



INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA



Laporan Tahunan Annual Report

07



Kandungan Contents

Notis Mesyuarat Agung Tahunan <i>Notice of Annual General Meeting</i>	2
Perutusan Pengerusi <i>Chairman's Statement</i>	5
Laporan Presiden <i>President's Statement</i>	9
Ikrar Integriti Malaysia <i>Malaysia's Integrity Pledge</i>	12
Maklumat Korporat <i>Corporate Information</i>	13
Falsafah, Visi, Misi • <i>Philosophy, Vision, Mission</i> •	
Objektif dan Fungsi • <i>Objectives and Functions</i> •	
Ahli Lembaga Pengarah • <i>Members of the Board of Directors</i> •	
Pengurusan Atasan • <i>Senior Management</i> •	
Struktur Organisasi • <i>Organizational Structure</i> •	
Ahli-Ahli IIM • <i>IIM Members</i> •	
Laporan aktiviti 2007 <i>Report on Activities 2007</i>	21
Laporan Kewangan 2007 <i>Financial Report for 2007</i>	61
	83



Notis Mesyuarat Agung Tahunan

Notice of Annual General Meeting

DENGANINI DIMAKLUMKAN bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Institut Integriti Malaysia yang keEmpat yang akan diadakan di Auditorium Integriti, Aras 2 Menara Integriti, Persiaran Duta, Off Jalan Duta, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia, pada hari Jumaat, 23 Mei 2008 jam 6.00 petang bagi tujuan-tujuan berikut:-

AGENDA

1. Membentang dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Institut Integriti Malaysia yang ketiga yang telah diadakan pada 9 Jun 2007.
2. Untuk menerima dan meluluskan Laporan dan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2007 bersama dengan Laporan Pengarah dan Laporan Juruaudit.
3. Untuk meluluskan pembayaran elaun Lembaga Pengarah bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2007.
4. Untuk melantik semula Lembaga Pengarah berikut yang akan bersara menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965 dan oleh kerana layak, menawarkan diri beliau untuk dilantik semula:-
 - i) Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Khoo Kay Kim
5. Untuk melantik semula Tetuan Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AFTAAS) sebagai Juruaudit Institut dan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk menetapkan bayaran khidmat mereka.
6. Untuk melaksanakan lain-lain urusan.

Dengan Perintah Lembaga,

AZMIAH BINTI ABDUL RAZAK (MIA No:21637)
Setiausaha Syarikat
Kuala Lumpur
11 April 2008

NOTICE IS HEREBY GIVEN THAT the Fourth Annual General Meeting of the Malaysian Institute of Integrity will be held at Auditorium Integriti, Level 2 Menara Integriti, Persiaran Duta, Off Jalan Duta, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia, on Friday, 23 May 2008 at 6.00 p.m for the following purposes:-

AGENDA

1. To present and approve minutes of the Third Annual General Meeting of the Malaysian Institute of Integrity which was held on 9 June 2007.
2. To accept and adopt the Audited Financial Statements for the financial year ended 31 December 2007 together with the Reports of the Directors and Auditors.
3. To approve the payment of Directors' allowances for the financial year ended 31 December 2007.
4. To re-elect the following Director who retires in accordance with Section 129 of Companies Act, 1965 and being eligible, offers himself for re-election:-
 - i) Y.Bhg. Professor Dato' Dr. Khoo Kay Kim
5. To re-appoint Messrs. Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AFTAAS) as Auditors of the Company and to authorise the Directors to fix their remuneration.
6. To transact any other business.

By Order of the Board,

AZMIAH BINTI ABDUL RAZAK (MIA No:21637)
Company Secretary
Kuala Lumpur
11 April 2008

"Pada saya, yang pentingnya apabila kita bercakap mengenai integriti, ia mestilah bermula dari rumah ataupun keluarga. Semasa kecil lagi, anak-anak mesti diajar jangan berbohong, diajar beramanah, diajar berdisiplin mengikut peraturan, diajar kasih sayang, diajar tolong-menolong, diajar bantu-membantu, dan diajar mengenai nilai-nilai lain yang boleh membina sahsiah mereka."

"To me, when we mention integrity, the most important thing is that it must start from the home or the family itself. From a tender age, children must be taught not to lie, to be trustworthy, to be disciplined and to follow the rules; taught to love, to help and to assist others, and also taught other values that will build their personality."

Y.A.B. DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
Perdana Menteri Malaysia / Prime Minister of Malaysia



"Apa yang lebih utama adalah bagi mempertingkatkan daya saing pembangunan negara dan menjadikan kita tetap relevan dan kompetitif. Semua ini akan terus diperoleh dan dinikmati, dengan bertunjangkan kepada aspek nilai, etika dan integriti."

"What is more important is to increase the developmental pace of the nation to ensure we remain relevant and competitive. All this will continue to be achieved and enjoyed, when supported by values, ethics and integrity."

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HAJI HASSAN
Ketua Setiausaha Negara / Chief Secretary to the Government



SIDEK

Perutusan Pengerusi *Chairman's Statement*

.....
Assalamu'alaikum dan salam sejahtera,

Pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN) telah memasuki tahun keempat semenjak pelancarannya pada 23 April 2004. Pelbagai program dan aktiviti yang melibatkan pelbagai sektor masyarakat telah dapat dilaksanakan bagi menterjemahkan pelan tindakan kepada aplikasi sebenar pelaksanaannya. Walau bagaimana pun, *output* dan *outcome* atau hasil sebenar pelaksanaan usaha membudayakan integriti masyarakat Malaysia melalui PIN khususnya, dan pelbagai pendekatan serta gerakan lain sememangnya memerlukan suatu jangka masa yang panjang. Objektif umum PIN memperjelaskan bahawa usaha dan kesepaduan agenda integriti nasional ini adalah bagi memperkuuh wadah dan gagasan oleh kepimpinan negara dan masyarakat, dengan sinergi semua pihak bagi merealisasikan cabaran keempat Wawasan 2020 iaitu "membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur."

Integriti menjadi perbualan dan perbincangan masyarakat dalam pelbagai aspek. Bermula dengan integriti individu, kepada integriti pekerjaan dan pelaksanaan tugas, integriti organisasi dan institusi, integriti kepimpinan yang dapat menzahirkan contoh teladan yang baik, hingga kepada integriti persekitaran kehidupan yang selamat dan sejahtera, dengan kedamaian, perpaduan dan keharmonian. Pembudayaan integriti dan pelaksanaannya melalui PIN oleh semua lapisan kepimpinan dan masyarakat daripada akar umbi hingga ke peringkat tertinggi merupakan suatu gerakan yang bersifat holistik dan mempunyai kekuatannya tersendiri.

Assalamu'alaikum and greetings,

The implementation of the National Integrity Plan (PIN) is moving into its fourth year since its launch on the 23rd of April 2004. Various programmes and activities involving different sectors of society have been implemented in order to translate the action plan into practical applications. In any event, output and outcome or the actual effects of the implementation of efforts towards the enculturation of integrity in Malaysian society, specifically through the PIN, and the various approaches and moves most certainly need a longer time frame. The PIN's general objective clarifies that the efforts and the unity of the national integrity agenda is to strengthen the platform and ideas of the nation's leadership and society, with a synergy amongst all parties to realize the fourth challenge of VISION 2020 which is "forming a society with strong morals and ethics, and firm religious and spiritual values, supported by a noble character".

Integrity is the talk and discussion point for society from many aspects. Starting with individual integrity, to integrity in the workplace and in carrying out tasks, integrity of organizations and institutions, integrity in leadership which will set a good example; right up to the integrity of a safe and prosperous environment, filled with peace, unity and harmony.

Enculturation of integrity and its implementation via the PIN by all levels of the leadership and society from the grassroots to the highest levels is a holistic movement possessing its own strengths. The strong cooperation between all parties makes the national integrity agenda a mover of society towards realizing noble intentions and commitments.

Penjalinan kekuatan pelbagai pihak menjadikan agenda integriti nasional sebagai suatu dinamisme masyarakat ke arah merealisasikan azam dan iltizam yang murni.

Negara Malaysia yang kita cintai ini telah menyaksikan pelbagai perubahan dan kemajuan. Pencapaian kemerdekaan semenjak lebih 50 tahun lalu memperlihatkan negara tetap gagah dalam mengharungi pelbagai dimensi cabaran dan persaingan, serta gelombang globalisasi dan dunia tanpa sempadan. Justeru, apa yang lebih utama adalah bagi mempertingkatkan daya saing pembangunan negara dan menjadikan kita tetap relevan dan kompetitif. Semua ini akan terus diperoleh dan dinikmati dengan bertunjangkan kepada aspek nilai, etika dan integriti.

PIN sebagai suatu dokumen yang bersifat dinamik, perancangan dan pelaksanaannya secara berkesan memerlukan sokongan dan sinergi semua pihak secara aktif dan proaktif. Pelaksanaannya oleh setiap diri kita dengan kefahaman, penghayatan dan kesedaran, ditambah dengan niat yang suci dan keikhlasan hati bagi menjayakannya akan melonjakkan modal insan yang memiliki towering personality atau personaliti memuncak. Modal insan inilah yang akan mendukung dan menjadi peneraju kepimpinan dalam institusi keluarga, masyarakat, pelbagai pertubuhan, institusi dan organisasi, serta menjadi role model ke arah pembentukan keperibadian mulia dan berintegriti.

IIM sebagai penggerak, pemantau dan bersama semua sektor masyarakat adalah sebagai pelaksana agenda integriti nasional. Walau pun saingan dan cabaran ke arah merealisasikan gagasan murni

Our beloved country Malaysia has seen many changes and development. Achievements since independence 50 years ago, portray a nation standing strong in the face of multidimensional challenges and competition, the wave of globalization and a borderless world. Consequently, what is more important is to increase the developmental pace of the nation to ensure we remain relevant and competitive. All this will continue to be achieved and enjoyed, when supported by values, ethics and integrity.

As a document which is dynamic, the planning and the implementation of the NIP needs the support and the synergy of all parties in both an active and proactive manner. Its implementation by each one of us, with understanding, appreciation and awareness, reinforced by noble intentions and the sincerity to make it succeed will boost the human capital possessing towering personalities. This human capital will support and helm the leadership of the family institutions, the society, the various bodies, institutions and organizations, and be the role model towards the formation of a personality with honor and integrity.

IIM, as the mover, the monitor and a presence felt within all sectors of society, is the executor of the national integrity agenda. Despite the huge competition and challenge towards realizing the noble idea of the enculturation of integrity in Malaysian society; with the determination and the commitment of the leadership, cooperation through the smart sharing concept, the formation of cooperative agreements between IIM with the various agencies and institutions, and the existence of an integrity network, the full support, constantly reinforced and needed, will

.....

membudayakan integriti masyarakat Malaysia adalah amat besar, namun dengan azam dan iltizam kepimpinan negara, kerjasama melalui konsep perkongsian pintar, pembentukan perjanjian persefahaman antara IIM dengan pelbagai agensi dan institusi, serta pewujudan rangkaian integriti, merupakan sokongan padu yang diperlukan dan sentiasa diperkuuhkan. Penubuhan IIM dan pelancaran PIN di Malaysia juga telah menarik perhatian banyak pihak di peringkat antarabangsa. IIM khususnya dan negara amnya berasa bangga apabila PIN dan IIM menjadi antara bahan kajian dan tempat lawatan pelawat antarabangsa yang ingin belajar daripada pengalaman Malaysia dalam gerakan integriti.

Justeru itu, dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Lembaga Pengarah, Ahli-ahli IIM, pihak Pengurusan dan warga kerja IIM, serta rakan-rakan IIM yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan pelaksanaan PIN. Sesungguhnya, pelaksanaan PIN secara bersistematis, bersepadau dan berterusan menjadi pendorong terbesar ke arah pencapaian matlamat agenda integriti nasional. InsyaAllah, Malaysia sebagai bumi bertuah ini akan bertambah makmur, aman damai dan sejahtera.

remain available. The establishment and launch of the PIN in Malaysia has also attracted the attention of many parties on the international scene. IIM and the country in general, feels proud when the PIN and the IIM become the object of study and the destination of international delegates who want to learn from the integrity movement in Malaysia.

In view of that, I would like to take this chance to record my appreciation and thanks to all members of the Board of Directors, IIM members, the Management and staff of the IIM and also the friends of IIM who are involved directly or indirectly in ensuring success in the implementation of the PIN.

The implementation of the PIN in a systematic, integrated and consistent manner is the greatest impetus towards achieving the goals of the national integrity agenda. InsyaAllah, Malaysia as a land that is blessed, will continue to flourish in peace and prosperity.

"Keinginan untuk berubah mestilah ditanamkan dalam minda setiap warga Malaysia yang bertuah ini, kerana lonjakan integriti akan menjadikan negara terus berdaya saing dan dihormati pada kaca mata dunia."

"The desire to change must be inculcated in the minds of every Malaysian citizen on this blessed soil, because a leap in integrity will make the country competitive and respected in the eyes of the world."

DATUK DR. MOHD TAP BIN SALLEH
Presiden / President
Institut Integriti Malaysia



Laporan Presiden

President's Statement

.....
Dengan Nama ALLAH yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana kita dapat bersua dalam satu lagi edisi Laporan Tahunan Institut Integriti Malaysia (IIM). Laporan Tahunan edisi keempat ini memperkenan segala bentuk aktiviti yang dijalankan oleh IIM sepanjang 2007, selain daripada laporan kewangan IIM bagi tahun yang sama.

Bagi pihak IIM, suacita saya ingin memaklumkan di sini bahawa pelbagai aktiviti telah dirangka dan dilaksanakan sepanjang 2007 hanya dengan satu tujuan, iaitu untuk membudayakan integriti di kalangan rakyat negara ini. Pelaksanaan ini adalah selari dengan apa yang digariskan dalam Pelan Integriti Nasional (PIN) yang dilancarkan pada 23 April 2004.

Setiap aktiviti yang dijalankan oleh IIM ini adalah bertujuan untuk memantapkan proses pembudayaan integriti kepada setiap golongan yang terlibat. Program yang dirangka melibatkan seluruh lapisan masyarakat daripada pelbagai peringkat umur dan keturunan. Ia juga dirangka dengan begitu rapi bagi memastikan keberkesanannya kepada golongan sasaran bagi tujuan menghayati PIN.

Ini adalah kerana penghayatan kepada PIN dan nilai-nilai integriti pada diri setiap individu akan membantu negara mencapai Wawasan 2020, bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju menurut acuan sendiri. Nilai-nilai integriti dan etika yang disemai pada setiap lapisan masyarakat juga akan membolehkan negara mengharungi segala

In the Name of ALLAH, the Most Beneficent and the Most Merciful.

I would first like to thank Allah for the opportunity for us to meet again in another edition of the Malaysian Institute of Integrity Annual Report. The fourth edition of the Annual Report exhibits all the activities conducted by IIM all throughout 2007, other than the financial reports for IIM for the same year.

On behalf of IIM, I am pleased to inform you that many activities have been outlined and implemented throughout 2007 with the sole aim of the enculturation of integrity amongst the people of this country. The implementation is in line with what was outlined in the National Integrity Plan (PIN) launched on the 23rd of April 2004.

Each activity undertaken by IIM serves to further strengthen the process of enculturation of integrity within each group. The programmes outlined involve all levels of society from all age groups and descent. It was also outlined very carefully to ensure its impact on the target groups, for the purpose of fully appreciating the PIN.

This is because a full appreciation of the PIN and the integrity values in each individual will help assist the nation to achieve Vision 2020, making Malaysia a developed country in its own mould. Integrity and ethical values sown within each level of society will enable the country to withstand all challenges especially in the globalization era which promises extreme competition.

cabaran yang mendarang, terutamanya dalam era globalisasi yang menjanjikan persaingan yang amat sengit ini.

Kewujudan IIM sebagai agensi pelaksana PIN semakin mendapat perhatian daripada pelbagai pihak. Permintaan yang meningkat terhadap program-program berunsur integriti membuktikan bahawa pelan ini amat diyakini oleh masyarakat, baik dari peringkat korporat, pusat-pusat pengajian tinggi, agensi kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia dan Kastam Diraja Malaysia. Pihak swasta juga tidak mahu ketinggalan dalam usaha murni ini seperti yang ditunjukkan oleh Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian China Malaysia, MIMOS Berhad, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, dan beberapa agensi lagi yang telah menjalin kerjasama dengan IIM.

Integriti juga perlu ditanamkan pada peringkat akar umbi dalam masyarakat yang melibatkan anggota Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, pelajar universiti, sekolah menengah dan juga sekolah rendah. Program yang bersesuaian telah diaturkan bagi mendekati setiap golongan ini. Pada peringkat nasional, IIM turut menganjurkan Konvensyen Integriti Nasional (KIN) pada 6 September 2007 dan Hari Integriti Nasional pada 5 November lalu, bagi membolehkan idea-idea dikongsi dan dicetuskan bersama untuk dimajukan kepada pihak berwajib. Sebanyak 21 resolusi telah terhasil daripada KIN dan IIM kini sedang bekerjasama dengan pelbagai agensi bagi menterjemahkan resolusi berkenaan dalam bentuk tindakan yang sewajarnya.

The existence of IIM as an implementing agency of the PIN is getting more attention from all parties. Increasing demand for integrity based programmes prove that society, from the corporate level, to the institutions of higher learning, and government agencies like the Royal Malaysian Police, the Road Transport Department and the Royal Malaysian Customs, have the utmost faith in this plan.

The private sector also do not want to be left out of this noble effort as shown by the Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia, MIMOS Berhad, Malaysian Communications and Multimedia Commission and a few other agencies which have forged relationships with IIM.

Integrity also needs to be inculcated at the grassroots level in society, involving the Village Safety and Development Committee, university, high school and primary school students. Suitable programmes were arranged to approach each of these groups.

On the national level, IIM also organized the National Integrity Convention (KIN) on the 6th of September 2007 and the National Integrity Day on the 5th of November last year, to enable ideas to be shared and generated together, to be forwarded to the respective parties. As many as 21 resolutions were produced by the KIN, and IIM is now cooperating with the various agencies to translate these resolutions into suitable actions.

The establishment of the State Institute of Integrity (IIIN) in 2006 is starting to have an impact and

Penubuhan Institut Integriti Negeri (IIN) pada 2006 mula memberikan impak dan melahirkan sinergi hasil kerjasama erat yang dihulurkan kepada IIM, sekali gus melancarkan aktiviti yang dijalankan di seluruh pelosok tanah air. Malahan, beberapa buah IIN sudah mula mengorak langkah proaktif dengan menganjurkan program tersendiri bagi menjayakan matlamat PIN di negeri masing-masing. Tahniah saya ucapan dan adalah menjadi harapan IIM supaya usaha ini dapat terus dipergiatkan dan ditambah baik dari semasa ke semasa.

Namun begitu, IIM percaya masih banyak ruang penambahbaikan untuk diterokai oleh semua pihak, baik sektor awam, swasta, masyarakat umum, dan khasnya individu itu sendiri. Keinginan untuk berubah mestilah ditanamkan dalam minda setiap warga Malaysia yang bertuah ini, kerana lonjakan integriti akan menjadikan negara terus berdaya saing dan dihormati di mata dunia.

Terima kasih diucapkan kepada seluruh kepimpinan negara yang diterajui oleh Perdana Menteri Y.A.B. Dato'Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, kerana terus memberikan sokongan yang padu terhadap usaha pemantapan integriti yang dilaksanakan oleh IIM, IIN dan agensi-agensi awam dan swasta yang lain. Mudah-mudahan usaha murni oleh semua pihak dalam membudayakan integriti ini akan mendapat keredaan dari Allah SWT dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang sentiasa diberkati.

producing synergy as a result of the close cooperation given to IIM, thus simultaneously launching activities conducted throughout the country. A few IINs have even started to take proactive steps by organizing their own programmes to achieve the PIN goals in their own respective states. I would like to congratulate you, and it is the hope of IIM that these efforts will be boosted and improved from time to time.

Even then, IIM still believes that there is a lot of space for improvement to be explored by all parties; whether it is the public sector, private, the society in general, and the individual in particular.

The desire to change must be inculcated in the minds of every Malaysian citizen on this blessed soil, because a leap in integrity will make the country competitive and respected in the eyes of the world.

I would like to thank the leadership of the country, helmed by Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Prime Minister of Malaysia, for their firm support towards integrity strengthening efforts implemented by IIM, IIN and other private and public agencies. May the noble efforts of all parties towards the enculturation of integrity receive the acceptance of Allah SWT and make Malaysia a truly blessed nation.



DATUK DR. MOHD TAP BIN SALLEH

Ikrar Integriti Malaysia

Malaysia's Integrity Pledge

Kami, rakyat Malaysia yang merdeka dan berwawasan, dengan tulus dan suci hati, berikrar, memantap dan memperkuuhkan, maruah dan integriti kami, keluarga dan masyarakat, agama, bangsa dan negara kami.

Ke arah itu, kami berikrar:

- Mematuhi sepenuhnya Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang;
- Mematuhi dan mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara;
- Mempertingkatkan integriti dengan mengamalkan nilai-nilai murni dan beretika;
- Bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana pihak untuk mencegah sebarang perlakuan jenayah, salah laku dan perbuatan tidak berintegriti;
- Menyokong dan bekerjasama bagi mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menggugat integriti masyarakat dan negara; dan
- Membudayakan integriti sebagai amalan hidup harian secara individu dan berpasukan.

We, the free and visionary citizens of Malaysia, do sincerely and in good faith, pledge to remain steadfast to and strengthen the integrity and the dignity of ourselves, our family, our society, our religion, our race and our nation.

Towards that end, we pledge:

- *To fully obey the Federal Constitution and Laws;*
- *To fully obey and practice the principles of the Rukun Negara;*
- *To boost integrity by applying pure and ethical values;*
- *To cooperate fully with any party towards preventing criminal acts, misconduct and acts without integrity;*
- *To support and cooperate in taking firm action against those who threaten the integrity of society and the nation; and*
- *To embrace the enculturation of integrity on a daily basis as an individual, and on a collective level.*

MAKLUMAT KORPORAT

CORPORATE INFORMATION



Falsafah, Visi dan Misi

Philosophy, Vision and Mission

FALSAFAH

Falsafah IIM adalah untuk meningkatkan integriti sebagai suatu cara hidup rakyat Malaysia melalui amalan prinsip-prinsip etika. Pendekatan falsafah ini akan melibatkan seluruh rakyat Malaysia merangkumi sektor awam, sektor swasta, parti politik, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat umum.

VISI

Visi IIM selaras dengan Cabaran Ke Empat Wawasan 2020 iaitu untuk "membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya dengan para warganya mempunyai nilai-nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur."

MISI

Misi IIM ialah untuk melaksanakan objektif, strategi dan program peningkatan etika dan integriti warga Malaysia dalam semua aspek kehidupan.

PHILOSOPHY

The philosophy of the IIM is to promote integrity as a way of life among Malaysians through the practice of ethical principles. This approach involves Malaysians at all levels including the public sector, private sector, political parties, non-governmental organizations as well as the public.

VISION

The vision of IIM is aligned to the Fourth Challenge of Vision 2020 that is "to shape a society that is firmly based on moral principles and ethics imbued with sound religious and spiritual values, which are attested by good manners."

MISSION

The Mission of IIM is to implement its objectives, strategies and programmes in enhancing integrity and ethics among Malaysians in all aspects of life.

Objektif dan Fungsi

Objectives and Functions

Objektif utama IIM adalah untuk menjadi jentera pelaksana Pelan integriti Nasional (PIN) ke arah membangunkan sebuah bangsa Malaysia yang berdaya tahan dan menghayati nilai-nilai integriti dan etika.

Objektif Khusus IIM adalah:

- a. Mengendalikan penyelidikan berkaitan dengan integriti institusi dan masyarakat;
- b. Menganjurkan persidangan, seminar dan forum;
- c. Menghimpun pendapat pelbagai sektor mengenai kemajuan atau halangan kepada pelaksanaan integriti;
- d. Menerbit dan mengedarkan bahan-bahan bercetak, menggubal perlaksanaan program-program dan strategi-strategi bagi meningkatkan integriti;
- e. Mengemukakan perakuan-perakuan dasar bagi meningkatkan integriti dan etika;
- f. Membangunkan pangkalan data mengenai integriti dan etika;
- g. Memberikan khidmat nasihat kepada kerajaan mengenai program-program dan strategi-strategi bagi meningkatkan integriti; dan
- h. Mewujudkan jaringan dengan organisasi-organisasi antarabangsa bagi membolehkan peranan dan sumbangan IIM diiktiraf di peringkat antarabangsa.

The main objective of the IIM is to act as a machinery in the implementation of the National Integrity Plan (PIN) towards developing a nation that is of high integrity, resilient and that embraces universal good values.

The specific objectives of the IIM are:

- a. *To conduct research related to the integrity of institution and that of the community;*
- b. *To organize conference, seminars and forum;*
- c. *To elicit opinions from various sectors on the progress made or on the obstacles faced in implementing integrity;*
- d. *To publish and circulate printed materials as well as formulating and implementing training and educational programmes;*
- e. *To recommend new policies for the enhancement of integrity and ethics;*
- f. *To develop a database on integrity and ethics;*
- g. *To advise the Government on strategies and programmes in enhancing integrity; and*
- h. *To establish networking with international organizations.*

Ahli Lembaga Pengarah

Members of the Board of Directors

Pengerusi / Chairman

1. Y.Bhg.Tan Sri Mohd Sidek bin Haji Hassan
Institut Integriti Malaysia

Presiden / President

2. Datuk Dr. Mohd Tap bin Salleh
Institut Integriti Malaysia



Ahli-Ahli / Members

3. Y.Brs. Ustaz (Dr) Muhammad Uthman El-Muhammady
Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Malaysia
4. Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Khoo Kay Kim
Jabatan Sejarah Universiti Malaya
5. Y.Bhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr) Hamid Bugo
Pengerusi Sego Holding Sdn. Bhd
6. Y.Bhg. Dato' Zarinah Anwar
Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
7. Y.Brs. Dr. Chandra Muzafer
Presiden International Movement for Just World
8. Y.Bhg. Dato' Normah Md Yusof
Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan
Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
9. Y.Bhg. Tan Sri Abdul Gani Patail
Peguam Negara
10. Pn. Azmiah Abdul Razak
Setiausaha Syarikat
11. Y.Bhg. Datuk Seri Panglima Ahmad Said Hamdan
Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah Malaysia
12. Y.Bhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin Buang
Ketua Audit Negara



Pengurusan Atasan

Senior Management




1. **Datuk Dr. Mohd Tap bin Salleh**
Presiden / President
2. **Haji Mustafar Haji Ali**
Timbalan Presiden / Deputy President
3. **Mohammad Diah Hj. Wahari**
Pengarah Sektor Awam / Director of Public Sector
4. **Mazilan Musa**
Pengarah Sektor Sosibudaya / Director of Sosio-culture Sector
5. **Mohd Nizam Mohd Ali**
Pengarah Sektor Swasta / Director of Private Sector
6. **Anis Yusal Yusoff**
Pengarah Sektor Politik / Director of Political Sector



Struktur Organisasi

Organizational Structure



Ahli-Ahli

Members

- | | | | |
|-----|--|-----|--|
| 1. | Y.Bhg. Dato' Haji A. Aziz Deraman | 21. | Y.Brs. Tuan Haji Mohd Yasin bin Hamzah |
| 2. | Y.Bhg. Datuk Dr. Abdul Samad bin Alias | 22. | Y.Brs. Prof. Dr. Mohd Yusof Hj. Othman |
| 3. | Y.Bhg. Datuk Ahmad Rejal Arbee | 23. | Y.Bhg. Dato' Haji Mustafa bin Ali |
| 4. | Y.Bhg. Dato' Ahmad Tajudin Abdul Rahman | 24. | Encik Mustafa Kamil bin Ayub |
| 5. | Y.Bhg. Dato' Aidit Ghazali | 25. | Y.Bhg. Datuk Haji Nordin bin Abdul Hamid |
| 6. | Y.Bhg. Datin Aminah bt Pit Abd Rahman | 26. | Encik P.Kanason a/l Pothinker |
| 7. | Encik Anthony Reynolds Peter | 27. | Y.Bhg. Datuk P. Venugopal a/l Menon |
| 8. | Encik Freddie Cho Chen Seng | 28. | Y.Bhg. Datuk Dr. Salleh Mohd Nor |
| 9. | Puan Habsah binti Hassan | 29. | Y.Bhg. Dato' Sayed A. Rahman bin Sayed Mohd |
| 10. | Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Hussein bin Haji Ahmad | 30. | Y.Bhg. Dato' Shafee bin Yahaya |
| 11. | Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Ibrahim bin Ahmad Bajunid | 31. | Y.Bhg. Dato' Syed Amin Aljeffri |
| 12. | Y.B. Senator Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Samsuddin | 32. | Y.B. Dr. Tan Seng Giaw |
| 13. | Puan Josie M. Fernandez | 33. | Y.Bhg. Datuk Amar Wilson Baya Dandot |
| 14. | Y.Bhg. Dato' Dr. Low Bin Tick | 34. | Y.Bhg. Datuk Yahya bin Ya'acob |
| 15. | Y.Brs. Prof. Dr. Mahmood bin Nazar Mohamed | 35. | Y.B. Tan Sri Yong Poh Kon |
| 16. | Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi bin Hj. Ab Majid | 36. | Y.Brs. Dr. Zainal Abidin Abdul Majeed |
| 17. | Y.Bhg. Dato' Marimuthu Nadason | 37. | Puan Zaiton bt Othman |
| 18. | Y.Bhg. Datuk Wira Mazlan Ahmad | 38. | Y.Brs. Tuan Haji Md Jafar bin Abdul Carrim |
| 19. | Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Mazlan bt Othman | 39. | Y.Bhg. Dato' Mohd Yusof bin Hitam |
| 20. | Y.Bhg. Dato' Mohamad Salleh bin Rafie | 40. | Encik V T Nathan |
| | | 41. | Encik Michael Chiam Tow Hui |

LAPORAN AKTIVITI 2007

Report on Activities 2007



Laporan Aktiviti 2007

Report on Activities 2007

PROGRAM DAN AKTIVITI IIM TAHUN 2007

Sepanjang 2007, aktiviti di Institut Integriti Malaysia (IIM) dikendalikan oleh kesemua sektor, iaitu Sektor Awam, Swasta, Sosiobudaya dan Politik. Sektor-sektor ini dibantu oleh unit-unit seperti Unit ICT, Perkhidmatan, Kewangan dan juga Pusat Sumber Bestari. Unit Korporat dan Penyelarasian mula menjadi ahli keluarga sejak penubuhannya pada 1 Julai 2007. Laporan ini memperlihatkan aktiviti yang dijalankan oleh setiap sektor dan unit mengikut fungsi yang dipertanggungjawabkan.

SEKTOR AWAM

Taklimat dan Ceramah Integriti

Sepanjang tahun ini Sektor Awam memperhebatkan aktiviti dan program untuk meningkatkan kesedaran di kalangan penjawat awam mengenai integriti, Pelan Integriti Nasional (PIN) dan IIM. Dengan bantuan pegawai dari sektor-sektor lain di IIM, Institut Integriti Negeri (IIN) dan agensi kerajaan, Sektor Awam telah menyampaikan ceramah dan taklimat pada kadar purata melebihi 30 ceramah dan taklimat sebulan. Sepanjang tahun lalu sebanyak 374 permintaan ceramah dan taklimat telah dijalankan melibatkan 39,306 peserta dari pelbagai agensi kerajaan.

Kursus dan Bengkel

Selaras dengan saranan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK), Sektor Awam dengan bantuan pakar kandungan dari pelbagai kementerian, jabatan dan institusi latihan telah menggubal satu modul kursus yang dinamakan Kursus Pembangunan Individu dan Organisasi Berintegriti (PIOB). Kursus tiga hari ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman, penghayatan integriti dan membincangkan isu berkaitan integriti di kalangan penjawat awam. Sebanyak 21 sesi kursus (4 daripadanya dengan bantuan Sektor Sosiobudaya) telah dapat dilaksanakan mulai April 2007 melibatkan 340

IIM PROGRAMMES AND ACTIVITIES IN 2007

In 2007, activities at the Malaysian Institute of Integrity (IIM) were conducted by all the sectors; Public, Private, Socio-cultural and Political Sectors. These sectors were assisted by the various units, such as the ICT, Administration and Financial units, as well as the Bestari Resource Center. The Corporate and Coordination unit became part of the family since its inception on the 1 July 2007. This report shows the activities conducted by each sector and unit according to the functions entrusted to them.

PUBLIC SECTOR

Briefings and Talks on Integrity

Throughout this year, the Public Sector increased its activities and programmes tremendously to promote awareness amongst public office bearers about integrity, the National Integrity Plan (PIN) and IIM. With the help of officers from the various sectors in IIM, State Institutes of Integrity (IIN) and government agencies, the Public Sector gave an average of over 30 briefings and talks per month. During the year, 374 requests for briefings and talks were fulfilled, involving 39,306 participants from various government agencies.

Courses and Workshops

In line with the recommendations of the Special Cabinet Committee on Government Management Integrity (JKKMKPK), the Public Sector, with the help of content specialists from the various ministries, departments and training institutes, drafted a course module called "Integrity Development for Organisation and Individual" (PIOB). The purpose of this three-day course is to increase the understanding and appreciation of integrity and to discuss issues related to integrity amongst public office bearers. Up to 21 course sessions (4 with the help of the Socio-cultural Sector) were conducted from April 2007 involving 340 participants from various government

Laporan Aktiviti 2007

Report on Activities 2007

orang peserta dari pelbagai agensi kerajaan. Sektor Awam juga terus terlibat dalam membantu agensi lain untuk memberikan khidmat nasihat, membentuk, mengendali dan memberikan input kepada kursus integriti yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan.

Penganjuran Seminar

IIM menyedari peri pentingnya individu dijadikan sasaran program pemantapan integriti di peringkat awal, seperti kata pepatah "melentur buluh biarlah dari rebungnya". Oleh itu amat wajar sekali para pelajar dijadikan sasaran utama. Walau bagaimanapun, memandangkan kekangan tenaga yang terhad berbanding bilangan pelajar yang begitu ramai, Sektor Awam dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menganjurkan Seminar Integriti Untuk Warga Pendidik. Program ini bermatlamat serampang dua mata, iaitu untuk meningkatkan kefahaman di kalangan seramai mungkin warga pendidik dengan harapan mereka ini akan menjadi agen atau duta integriti di kalangan pelajar. IIM menasarkan seribu peserta bagi setiap sesi dengan pesertanya terdiri daripada pengetua, guru besar, guru kaunseling, guru agama dan guru pendidikan moral. Sepanjang 2007 sebanyak 17 seminar telah diadakan melibatkan semua negeri, kecuali Pulau Pinang. Daripada 13,184 warga pendidik yang menghadiri seminar ini, dianggarkan 1.3 juta pelajar akan didedahkan kepada integriti dan PIN sekiranya setiap guru berkenaan dapat menyebarluaskan kefahaman beliau kepada 100 pelajar. Angka ini adalah masih jauh berbanding jumlah keseluruhan

agencies. The Public Sector was also directly involved in assisting the other agencies to give advice, shape, manage and provide input for the integrity courses conducted by the government agencies.

Organizing Seminars

IIM realises the importance of inculcating integrity in the individuals in the early stages with suitable programmes. As the saying goes, "strike the iron while it's hot", meaning, "start cultivating good values at an early age". It is thus very apt that students are chosen as the primary target. Even then, in view of the manpower constraints in relation to the high number of students, the Public Sector, with the cooperation of the Ministry of Education, Malaysia (KPM), organized an Integrity Seminar for the Education Fraternity. This programme had a two-pronged aim, which was to increase understanding amongst as many teachers within the education fraternity as possible, with the hope that they will become agents or ambassadors of integrity to the students. IIM targeted one thousand participants for every session, with participants consisting of principals, headmasters, counselors, religious teachers and moral studies teachers. In 2007, 17 seminars involving all states except Pulau Pinang were held. From the 13,184 teachers who attended this seminar, it is estimated that 1.3 million students will be exposed to integrity and the NIP if each teacher spreads his or her knowledge to 100 students. This figure remains small compared to the total number



Laporan Aktiviti 2007

Report on Activities 2007

pelajar peringkat rendah, menengah dan pra universiti yang dianggarkan berjumlah melebihi 5 juta orang dan lebih 300,000 pendidik yang ada.


Forum Perdana Ehwal Islam

Sektor Awam dengan kerjasama JAKIM, Radio Televisyen Malaysia, FELDA dan Majlis Daerah Maran telah menganjurkan rakaman Forum Perdana Ehwal Islam di Bandar Pusat Jengka. Sebanyak dua sesi rakaman dibuat dengan tajuk 'Warkah Sepi' dan 'Mungkir Bahagia'. Kedua-dua rakaman ini ditayangkan masing-masing bersempena dengan sambutan Maulidur Rasul dan Sambutan Ulang Tahun ke-50 Kemerdekaan Malaysia. Antara panel yang terlibat termasuklah Ahli Lembaga Pengarah IIM Y.Bhg Ust Muhammad Uthman Al-Muhamady, Dr. Khairil Azmi Muhamad, Dr Syarifah Hayati Syed Ismail, Tan Sri Wira Aziz Tapa, Brig. Gen Dato' Jamil Khir Baharom dan Dr. Robiah K. Hamzah. Sambutan penduduk setempat amat memberangsangkan di mana lebih 5000 orang telah menyaksikan rakaman ini dijalankan.

of primary, secondary and pre-university students estimated to number 5 million; and the over 300,000 educators.

Forum Perdana Ehwal Islam (Islamic Affairs Premier Forum)

The Public Sector with the cooperation of JAKIM, Radio Televisyen Malaysia, FELDA and the Maran District Council organized the Forum Perdana Ehwal Islam at the Bandar Pusat Jengka. Two recording sessions were made, entitled "Warkah Sepi" and "Mungkir Bahagia". Both recordings were shown in conjunction with Maulidur Rasul celebrations and Malaysia's 50th Independence Day Celebrations. Some of the panelists involved included IIM Board of Director, Y. Bhg. Ust Muhammad Uthman Al-Muhamady, Dr. Khairil Azmi Muhamad, Dr. Syarifah Hayati Syed Ismail, Tan Sri Wira Aziz Tapa, Brig. Gen. Dato' Jamil Khir Baharom and Dr. Robiah K. Hamzah. The response from the locals was extremely encouraging, with over 5000 people watching the recording session.



SEKTOR SOSIOBUDAYA

Bagi melaksanakan program pengukuhan integriti kepada lima kumpulan sasar dalam PIN iaitu institusi keluarga, komuniti, masyarakat civil, sosiobudaya dan agama, program-program berikut telah dilaksanakan sepanjang tahun 2007.

SOCIO-CULTURAL SECTOR

In order to implement strengthening integrity programmes for five target groups in the PIN; the family institution, the community, civil society, socio-cultural and religious institutions, the following programmes were conducted in 2007.

Laporan Aktiviti 2007

Report on Activities 2007

Forum Integriti Institut Pengajian Tinggi

Sebanyak tiga sesi Forum Integriti telah diadakan di tiga buah Institut Pengajian Tinggi (IPT) iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM). Tujuan forum ini diadakan ialah bagi memberikan pendedahan kepada para pelajar IPT tentang kepentingan integriti dalam pembinaan sahsiah pelajar IPT yang merupakan pewaris kepada teraju kepemimpinan negara. Pihak IIM telah mengundang para penceramah dari pelbagai latar belakang untuk memberikan hujah-hujah yang relevan dengan isu-isu integriti semasa.

Debat Perdana Integriti

Pertandingan Debat Perdana Integriti Antara IPT anjuran IIM dengan kerjasama Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM) telah diadakan sejak 2005. Pada tahun 2007, Universiti Putra Malaysia (UPM) menjadi tuan rumah pertandingan dari 2 - 6 Februari 2007. Pertandingan ini disertai oleh 27 pasukan yang mewakili 19 IPT yang melibatkan 106 orang pendebat. Mulai tahun ini, setiap IPT dibenarkan menghantar sebanyak dua pasukan. Tema pertandingan ialah 'Budaya Integriti Tanggungjawab Bersama'. Pasukan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) muncul sebagai johan dan membawa pulang Piala Pusingan YAB Perdana Menteri, sebuah piala iringan serta wang tunai RM6,000. Naib Johan pula dimenangi oleh pasukan dari Universiti Malaya (UM) yang membawa pulang piala iringan serta wang tunai RM4,000. Pendebat terbaik menjadi milik UiTM.



Forums on Integrity for Institutes of Higher Learning

Three Forums on Integrity sessions were held at three Institutes of Higher Learning (IPT); Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) and Universiti Teknologi Mara (UiTM). The aim of these forums were to provide exposure to IPT students about the importance of integrity in building a wholesome character in IPT students, who are heirs to the country's leadership. IIM invited speakers from various backgrounds to give relevant points regarding current issues on integrity.

Perdana Debate on Integrity

The Perdana Debate on Integrity competition between IPTs, organized with the cooperation of the Malaysian Universities' Debating Councils (MADUM) has been held since 2005. In 2007, UPM became host to a competition held from 2-6 February 2007. This competition was entered by 27 teams representing 19 IPTs, involving 106 debaters. Starting from this year, each IPT will be allowed to send up to two teams. The theme of the competition was "A Culture of Integrity - A Mutual Responsibility". The team from UiTM emerged as a champion and brought home the Prime Minister's Challenge Trophy, an accompanying trophy and RM4,000 cash. The best debater also went to UiTM.



Laporan Aktiviti 2007

Report on Activities 2007

Ceramah Integriti Kepada Pelajar Baru IPTA dan IPTS

Bagi memberikan kesedaran tentang kepentingan integriti dalam seluruh aspek kehidupan, pelajar baru yang memasuki sesi pengajian pada bulan Disember/Januari 2007 dan Jun/Julai 2007 diberikan taklimat selama dua jam mengenai Prinsip & Falsafah Pelan Integriti Nasional. Sepanjang 2007, IIM menyampaikan ceramah integriti di 41 buah IPTA dan IPTS melibatkan seramai lebih kurang 40,000 orang pelajar baru. Selain itu, ceramah turut disampaikan kepada pelajar Kolej Komuniti, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan juga Institut Latihan Perindustrian (ILP). Memandangkan bilangan tenaga penceramah yang terhad di pihak IIM satu program 'Training of Trainers' (TOT) telah diadakan pada 18 & 19 Disember 2007 di Impiana Morib, Selangor Darul Ehsan. Program selama dua hari ini adalah anjuran bersama antara IIM dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), melibatkan seramai 42 orang pensyarah dari semua Politeknik dan Kolej Komuniti di seluruh negara. Objektif program ialah bagi membolehkan tenaga pengajar yang telah dilatih ini mengendalikan sendiri ceramah integriti ini kepada para pelajar baru setiap kali tiba musim baru pengajian.

26



Integrity Briefings for New IPTA and IPTS Students

In order to create awareness about the importance of integrity in all aspects of our lives, new students who enter the December/January 2007 and June/July 2007 academic sessions were given a two-hour briefing on the "Principles and Philosophy of the National Integrity Plan (PIN)". Throughout 2007, IIM delivered integrity talks at 41 public higher learning institutions (IPTA) and private higher learning institutions (IPTS) involving about 40,000 new students. Talks were also given to students of Community Colleges, the National Institute of Skills for Youth (IKBN) and the Industrial Training Institute (ILP). Due to the limited number of trainers in IIM, a "Training of Trainers" (TOT) programme was held on the 18 and 19 December 2007 at Impiana Morib, Selangor Darul Ehsan. This two day programme was jointly organized by IIM and the Ministry of Higher Education (KPT), involving 42 lecturers from all the Polytechnics and Community Colleges in the country. The objective of the programme is to enable the trained teaching staff to conduct their own talks on integrity to new students for each new academic session.

Pertandingan Menulis Esei Integriti Peringkat Pelajar IPT

Bagi menarik minat dan kesedaran yang mendalam tentang agenda pengukuhan integriti di negara ini, Sektor Sosiobudaya IIM mengadakan pertandingan menulis esei. Pertandingan ini menawarkan hadiah RM3000 bagi johan, RM2000 untuk naib johan,

Essay Writing Competition on Integrity, IPT Students' Level

In order to attract interest and promote a deep awareness about the agenda to reinforce integrity in this country, IIM's Socio-cultural Sector organized an essay writing competition. This competition offered a RM3000 prize for the winner, RM2000 for the runner-



Laporan Aktiviti 2007

Report on Activities 2007

RM1000 untuk tempat ketiga dan RM300 untuk hadiah sugu hati bagi 10 penyertaan terbaik. Karyakarya dihakimi oleh para hakim yang pakar dalam bidang penulisan.

Seminar Integriti Untuk Pemimpin Masyarakat

Bagi melaksanakan agenda pengukuhan integriti para pemimpin masyarakat, Sektor Sosiobudaya IIM melaksanakan program pengukuhan integriti yang melibatkan pemimpin-pemimpin masyarakat di peringkat kampung khususnya Ahli Jawatankuasa Keselamatan & Kemajuan Kampung (JKKK). Untuk tujuan tersebut, sektor ini menganjurkan seminar selama setengah hari yang diisi dengan dua slot ceramah yang bertajuk 'Prinsip & Falsafah Pelan Integriti Nasional' dan ceramah 'Peranan Ketua Kampung Dalam Pengukuhan Integriti'. Selain penceramah dari IIM, penceramah jemputan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Institut Kefahaman Islam (IKIM) dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian & Warisan turut menjayakan program ini. Secara keseluruhannya, lapan siri program diadakan di Selangor, Perak, Terengganu, Perlis, Johor, Melaka dan Kelantan. Program ini turut mendapat kerjasama daripada pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK). Di peringkat daerah pula, beberapa siri Seminar Pengukuhan Integriti telah diadakan secara usaha sama dengan IIN yang berkaitan seperti berikut:

- (i) Seminar Pengukuhan Integriti Pemimpin Masyarakat Peringkat Daerah Jawi, Pulau Pinang.
- (ii) Seminar Pengukuhan Integriti Pemimpin Masyarakat bagi Daerah Kubang Pasu, Sg Petani dan Alor Star, Kedah.
- (iii) Seminar Pengukuhan Integriti Anjuran Rukun Tetangga Daerah Kepala Batas, Pulau Pinang.

up, RM1000 for third place and RM300 as consolation prizes for 10 of the best entries. The works were judged by experts in the writing field.

Seminar on Integrity for Community Leaders

In order to carry out the agenda to reinforce integrity amongst community leaders, IIM's Socio-cultural Sector conducted strengthening integrity exercises involving community leaders at the village level, especially the Village Safety and Development Committee (JKKK) members. Towards that end, this sector organized a half-day seminar with two talks slotted in; entitled "The Principles and Philosophy of the National Integrity Plan" and "The Role of the Village Head in Strengthening Integrity". Other than speakers from IIM, guest speakers from the Ministry of Rural and Regional Development, Institute of Islamic Understanding (IKIM) and the Ministry of Culture, Arts and Heritage also helped make this programme a success. On the whole, a series of eight programmes were conducted in Selangor, Perak, Terengganu, Perlis, Johor, Melaka and Kelantan. This programme also received the cooperation of the State Secretaries (SUK). At the district level, a series of "Seminars on Strengthening Integrity" were held in cooperation with the respective IINs as follows:

- (i) Seminar on Strengthening Integrity in Community Leaders, Jawi District level, Pulau Pinang.
- (ii) Seminar on Strengthening Integrity in Community Leaders for the District of Kubang Pasu, Sg. Petani and Alor Star, Kedah.
- (iii) Seminar on Strengthening Integrity, organized by Rukun Tetangga, District of Kepala Batas, Pulau Pinang.

Laporan Aktiviti 2007

Report on Activities 2007



- (iv) Seminar Pengukuhan Integriti Nazir Masjid Peringkat DUN Gemencheh, Negeri Sembilan.
- (v) Seminar Pengukuhan Integriti Nazir Masjid Peringkat DUN Sementa, Selangor.

Seminar yang melibatkan penyertaan lebih 5,000 orang pemimpin masyarakat dan agama di peringkat kampung ini berjaya memberikan kesedaran mengenai pentingnya peranan mereka di dalam merealisasikan agenda pengukuhan integriti di peringkat akar umbi.

- (iv) Seminar on Strengthening Integrity for Mosque Inspectorates, DUN level, Gemencheh, Negeri Sembilan.
- (v) Seminar on Strengthening Integrity for Mosque Inspectorates, DUN level, Sementa, Selangor.

The seminar which involved over 5,000 community and religious leaders at the village level succeeded in creating awareness about the importance of their role in realizing the agenda of strengthening integrity at the grassroots level.

Kajian Indeks Persepsi Integriti Nasional 2007

Buat kali ketiga, IIM dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia telah menjalankan Kajian Indeks Persepsi Integriti Nasional (IPIN) bagi mengukur tahap persepsi integriti masyarakat Malaysia. Bagi tahun 2007, seramai 19,957 responden telah dipilih untuk kajian ini. Keputusan indeks berkenaan dijangka akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan pada pertengahan tahun 2008. Selain daripada kajian tahunan ini, Sektor Sosiobudaya turut menjalankan kajian mengenai ‘Keberkesanan Perlaksanaan Pelan Integriti Nasional’ melalui perunding daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim. Hasil kajian ini dijadikan rujukan IIM untuk mengkaji semula keberkesanan pelan tindakan dan gerak kerja yang telah dilaksanakan bagi mencapai matlamat PIN.

National Integrity Perception Index Study 2007

For the third time, IIM, with the cooperation of the Malaysian Statistical Department conducted a National Integrity Perception Index (IPIN) to measure the perception on integrity by Malaysian society. For the year 2007, 19,957 respondents were selected for this study. The index results are expected to be presented to the JKKMKPK in mid-2008. Other than this yearly study, the Socio-cultural Sector also conducted a study on “The Effectiveness of the Implementation of the National Integrity Plan” by engaging consultants from Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim. This study serves as a reference for IIM to reexamine the effectiveness of action plans and activities carried out to achieve the goals of the NIP.

Laporan Aktiviti 2007

Report on Activities 2007

Kerjasama Dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara dan Jabatan Pengangkutan Jalan

Sektor Sosiobudaya juga telah menjalankan usaha sama dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) dengan memberikan taklimat PIN kepada kesemua kakitangan sokongannya di seluruh negara. Sepanjang 2007, sebanyak 4 siri ceramah telah diadakan di empat buah kem PLKN di Negeri Sembilan, Perak, Pahang dan Sabah. Sementara itu, pada bulan Ogos 2007, Sektor Sosiobudaya telah mengadakan Program Khas Pengukuhan Integriti kepada kesemua Komandan dari 82 kem PLKN di Cherating, Pahang Darul Makmur.

Sementara itu, hasil daripada Memorandum Persefahaman yang ditandatangani antara IIM dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Sektor Sosiobudaya telah menganjurkan sebanyak tiga siri program latihan Pembangunan Individu dan Organisasi Berintegriti (PIOB) kepada kakitangan kumpulan sokongan JPJ. Di peringkat Wilayah Persekutuan pula, sebanyak enam siri Ceramah Integriti telah dijalankan kepada enam kumpulan kakitangan kumpulan sokongan JPJ Wilayah Persekutuan. Buat pertama kalinya juga, Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Melaka telah memasukkan ceramah integriti selama dua jam ke dalam Kursus Sijil Pengajar Institut Memandu. Selain itu, empat siri ceramah kepada tenaga pengajar Sekolah Memandu telah diadakan bagi mempertingkat kesedaran integriti warga tenaga pengajar sekolah memandu di negeri berkenaan. Secara keseluruhan, program pengukuhan integriti Sektor Sosiobudaya telah dijalankan secara teratur dan menepati lima kumpulan sasar seperti yang digariskan dalam PIN. Usaha-usaha bersepada seperti ini akan diteruskan lagi untuk mempertingkatkan lagi program-program pengukuhan integriti bagi kumpulan sasaran ini.



Cooperation with the National Service Training Department and Road Transport Department

The Socio-cultural Sector also conducted a joint venture with the National Service Training Department (JLKN) by giving the NIP briefing to its entire support staff all over the country. Throughout 2007, a series of 4 talks were held at 4 PLKN camps in Negeri Sembilan, Perak, Pahang and Sabah. Meanwhile, in August 2007, the Socio-cultural Sector held a "Special Strengthening Integrity Programme" for all the Commandants from 82 PLKN Camps at Cherating, Pahang Darul Makmur.

Meanwhile, resulting from the Memorandum of Understanding which was signed between the IIM and the Road Transport Department (JPJ), the Socio-cultural Sector organized a series of three similar Development of Individuals and Organizations with Integrity (PIOB) programmes for the JPJ support staff. On the Federal Territory level, a series of six Integrity Talks were conducted on six groups of Federal Territory JPJ support staff. For the first time too, the Road Transport Department of Melaka incorporated a two-hour integrity course into the Certificate for Driving Institute Instructors. A series of four talks were also held for instructors of driving schools to increase integrity awareness in the driving instructors in the state. On the whole, the Socio-cultural Sector's strengthening integrity programmes were conducted in a structured manner and reached the five target groups as outlined in the PIN. Integrated efforts such as these will be continued further to improve even more on strengthening integrity programmes for these target groups.

Laporan Aktiviti 2007

Report on Activities 2007

SEKTOR SWASTA

CSR Rebung 2007 di MRSM Alor Gajah, Melaka


Projek CSR Rebung 2006 yang diadakan pertama kali di IIM telah diberi nafas baru pada tahun 2007 dengan kerjasama Bahagian Pelajaran Menengah MARA. Program yang melibatkan pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) ini telah diolah semula dengan menggunakan terma rujukan yang dihasilkan oleh Bursa Malaysia Berhad. Program yang pada asalnya dua hari ini dilanjutkan selama sehari dan dipenuhi dengan aktiviti ceramah, kreatif, kerja lapangan berunsurkan gotong-royong, latihan jasmani dan ‘team-building’. Program ini menggunakan metodologi pengukuran jati diri, *esprit de corps*, yang menekankan elemen ‘*intrinsic* dan *extrinsic*’ iaitu hubungan pengaruh luaran serta dalaman. Selari dengan PIN dan Wawasan 2020, peserta program ini diharap dapat membangunkan sendiri pelan tindakan carta integriti melalui pemahaman, komitmen dan pengalaman yang mereka timba. Program kali ini telah mengambil fokus empat dasar utama tanggungjawab sosial korporat iaitu sosial (kerja lapangan membuat kaji selidik di persekitaran Alor Gajah dan perkampungan orang asli), alam sekitar (lawatan dan gotong royong di Pusat Penyelidikan Penyu Padang Kamunting dan Tanjung Dahan), ekonomi (taklimat daripada wakil HONDA dan latihan “mind-mapping”) dan daya kreatif (persembahan akhir berbentuk pertunjukkan boneka, puisi, drama, nyanyian dan sketsa). Penambahbaikan modul ini akan diteruskan dengan mengambil kira isu-isu semasa yang terkini dan relevan supaya ia kekal

30

PRIVATE SECTOR

CSR Rebung 2007 at MRSM Alor Gajah, Melaka

The CSR Rebung 2006 project which was held for the first time in IIM was given new life in 2007 with the cooperation of MARA's Secondary School Division. The programme which involved Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) students was rewritten using terms of reference produced by Bursa Malaysia Berhad. The originally two day programme was extended for another day and filled with activities such as talks, creative programmes, field work related to cooperation, physical exercise and ‘team building’. The programme used the identity strengthening methodology, *esprit de corps*, which stressed the ‘*intrinsic*’ and ‘*extrinsic*’, which is the relationship between outer and inner influences. In line with the NIP and Vision 2020, the programme participants hoped to develop their own integrity action plan chart through the understanding, commitment and experiences gained. The programme this time, focused on four main foundations of corporate social responsibility; the social aspect (field work conducting studies around Alor Gajah and orang asli villages), the environment (visit to and ‘gotong royong’ at the Padang Kamunting Turtle Research Centre and Tanjung Dahan), the economy (talk by HONDA representatives and mind-mapping training) and creativity (final show featuring puppet shows, poetry, drama, singing and sketches). Improvements on this module will continue by taking into account the latest and most relevant issues so that it will stay dynamic and change according to current needs. This time around, this programme was attended by 401 student leaders chosen from each MRSM. Only



Laporan Aktiviti 2007

Report on Activities 2007



dinamik dan berubah mengikut keperluan semasa. Program kali ini disertai oleh 401 pemimpin pelajar cemerlang yang terpilih dari setiap MRSM. Hanya 12 penuntut sahaja dari setiap 32 buah MRSM yang mendapat tempat untuk hadir ke program tersebut. Selari dengan objektif mendekatkan jurang di antara generasi dan mengeratkan pertalian di antara ahli-ahli keluarga IIM, dua kumpulan duta muda IIM turut terbabit sebagai fasilitator. Mereka ialah wakil alumni Tan Sri Zainol Abidin Integrity Circle (TSAZAIC) dan Integrity Business Club (IBC).

Integrity Business Club

Program IBC yang direka khas untuk pelajar Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) diteruskan pada tahun 2007. Selain dari pembabitan aktif ahli-ahli IBC dalam program CSR Rebung, program IBC 2007 ini bertujuan untuk meningkatkan lagi kemahiran dan kematangan mereka sebagai duta integriti. Setelah berjaya melalui program Rali Integriti Profesional di Kepala Batas dan menjadi fasilitator kepada peserta CSR Rebung, IIM berusaha untuk melatih peserta IBC dari segi pentadbiran menerusi program "internship" untuk tahun 2007. Dua program IBC yang diadakan sepanjang 2007:

- (i) Pelancaran IBC di University Nottingham, Malaysian Campus

University of Nottingham Malaysian Campus (Nottingham University Business School (NUBC)) merealisasikan PIN dengan menubuhkan IBC pada 14 November 2007. Institut ini merupakan institusi pengajian

12 students from each of the 32 MRSMs were given the opportunity to attend the programme. In line with the objectives of reducing the gap between generations and strengthening ties between IIM family members, two groups from the IIM young ambassadors groups were also involved as facilitators. There were alumni representatives of Tan Sri Zainol Abidin Integrity Circle (TSAZAIC) and the Integrity Business Club (IBC).

Integrity Business Club

IBC programmes specially designed for students of Private Institutes of Higher Learning (IPTS) were continued in 2007. Other than the active participation of IBC members in the CSR Rebung, the IBC 2007 programme was aimed at increasing their skills and maturity as Ambassadors of Integrity. After succeeding through the Professional Integrity Rally in Kepala Batas and becoming facilitators for CSR Rebung, IIM is striving to train IBC participants in administration through "internship" programmes for 2007. Two IBC programmes were held throughout 2007.

- (i) Launch of IBC at the University of Nottingham, Malaysian Campus

The University of Nottingham Malaysian Campus (Nottingham University Business School - NUBC) made the NIP a reality by setting up IBC on the 14 November 2007.

Laporan Aktiviti 2007

Report on Activities 2007

**“If You Can’t Beat Them, Can You Really Not Join Them?”
- Ethical Decision-Making in the Real World**



tinggi yang ketiga menujuhkan IBC selepas Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) dan Management & Science University (MSU). Dengan 40 orang ahli, satu memorandum persefahaman (MoU) di antara IIM dan University of Nottingham Malaysian Campus ditandatangani pada majlis yang diadakan di kampus NUBC di Semenyih. Ketua Pegawai Eksekutif yang juga merupakan Naib Presiden University of Nottingham Malaysian Campus, Profesor Brian P. Atkins menyampaikan kata-kata aluan pada majlis pelancaran IBC tersebut. Turut hadir ialah Dekan Fakulti Sosial Sains dan Pendidikan, Profesor Eduard J Bomhoff. Forum mengenai integriti yang bertajuk “If You Can’t Beat Them, Can You Really Not Join Them? – Ethical Decision-Making in the Real World” dibincangkan oleh dua alumni TSAZAIC iaitu Rizal Shah Amat dan Abd. Azharee Abdul Wahid dan Pengarah Sektor Swasta Encik Mohd Nizam Mohd Ali bertindak sebagai moderator. Pemenang pertandingan rekaan T-shirt IBC juga diumumkan pada majlis tersebut. IBC diberi wajah baru apabila NUBC telah mereka cipta sebuah logo khas untuk IBC. Selain daripada pembabitan dua orang alumni TSAZAIC, program ini juga diterajui oleh salah satu daripada alumnus TSAZAIC, Puan Chan Wen Li, alumni TSAZAIC 2006 yang bertindak sebagai penasihat tetap kepada kelab IBC Nottingham University.

This institute is the third institute of higher learning to set up IBC after Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) and the Management & Science University (MSU). With 40 members, a memorandum of understanding (MoU) between IIM and the University of Nottingham, Malaysian Campus, was signed at a ceremony held on the NUBC campus in Semenyih. The Chief Executive Officer who was also the Vice President of the University of Nottingham, Malaysian Campus, Professor Brian P. Atkins, gave the opening address at the launching ceremony of the IBC. Also present were the Dean of the Faculty of Social Science, Professor Eduard J Bomhoff. The forum on integrity titled “If You Can’t Beat Them, Can You Really Not Join Them?” - Ethical Decision-Making in the Real World” was discussed by two TSAZAIC alumni, Rizal Shah Amat and Abd. Azharee Abdul Wahid while the Director of the Public Sector Mr. Mohd Nizam Mohd Ali acted as a moderator. The winner of the IBC T-shirt design contest was also announced at the event. The IBC was given a new face when NUBC designed a logo especially for the IBC. Other than the two TSAZAIC alumni, this programme was also helmed by another TSAZAIC alumni, Mrs. Chan Wen Li, a 2006 alumni, acting as permanent advisor to the IBC club, Nottingham University.

Laporan Aktiviti 2007

Report on Activities 2007

(ii) Program Internship

Objektif utama program pelatih IBC ini adalah untuk memahirkan peserta dengan terma rujukan tadbir urus korporat, etika perniagaan dan tanggungjawab sosial korporat dalam kontekstugasanseharian. Program ini memberi ruang kepada pelatih untuk belajar serta menyumbangkan idea dan cadangan kepada IIM dalam usaha-usaha dan program yang dijalankan. Program ini juga turut memberi pendedahan berkaitan rangkaian kerja dalam konteks nasional dan antarabangsa. Program pertama berlangsung dari 6-24 Ogos 2007 di mana mereka telah berjaya membantu menyelaraskan kerja-kerja olahan semula "Laporan Kumpulan Kerja Pemantauan dan Pelaksanaan PIN bagi Institusi Ekonomi" yang telah diterima oleh IIM daripada urus setia Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk dihantar kepada agensi-agensi berkaitan.

Tan Sri Azizan Zainul Abidin Integrity Circles for Young Professionals

Susulan Usaha Sama selama dua tahun yang bermula dengan pembangunan modul dan dua sesi di Pusat Latihan PERMATA, Bangi pada tahun 2006, Program Tan Sri Azizan Zainul Abidin Integrity Circles for Young Professionals (TSAZAC) ini bertapak di IIM secara rasminya dengan Majlis Makan Malam Pelancaran Program TSAZAC di Hilton Kuala Lumpur pada 14 Februari 2007. IIM diwakili oleh Y.Bhg Tan Sri Sidek Mohd Haji Hassan selaku pengurus IIN, manakala Petronas diwakili oleh Y.Bhg Datuk Dr. Rosti Saruwono, Timbalan Presiden Pendidikan PETRONAS yang mewakili Y.Bhg. Tan Sri Hassan Marican, Ketua Pengarah Eksekutif PETRONAS dengan restu dan disaksikan oleh balu Allahyarham Y.Bhg. Tan Sri Azizan Zainul Abidin, Y.Bhg Puan Sri Noor Ainee Che' Teh dan anak perempuannya. Seramai 200 orang jemputan khas dari pengurusan atasan PETRONAS, ahli-ahli IIM serta wakil-wakil sektor swasta dan badan-badan profesional menghadiri pelancaran tersebut yang menyaksikan penerimaan sijil rasmi 28 orang

(ii) Programme Internship

The main objective of the IBC trainee programme is to make the participant well-versed with the corporate governance's terms of reference, business ethics and corporate social responsibility within the context of daily duties. This programme enables the trainees to learn and to contribute ideas and suggestions to the IIM in the efforts and programmes conducted. The programme also offers exposure on networking within the national and international context. The first program took place between 6-24 August 2007, where they succeeded in helping to coordinate rewriting efforts of the "Report by The Working Group on the NIP Implementation and Monitoring for Economic Institutions" received by IIM from the secretariat of the Securities Commission of Malaysia (SC) to be sent to the relevant agencies.

Tan Sri Azizan Zainul Abidin Integrity Circles for Young Professionals

Following the two year cooperation which began with the module development and two sessions at the PERMATA Training Center, Bangi in 2006, the Tan Sri Azizan Zainul Abidin Integrity Circles for Young Professionals (TSAZAC) programme gained an official footing following a dinner party to launch the TSAZAC Programme at the Hilton, Kuala Lumpur on 14 February 2007. IIM was represented by Y. Bhg. Tan Sri Sidek Mohd Haji Hassan as IIM chairman, while Petronas was represented by Y. Bhg. Datuk Dr Rosti Saruwono, PETRONAS Education Vice President who represented Y.Bhg. Tan Sri Hassan Marican, PETRONAS Chief Executive Officer with the approval of and witnessed by the widow of Allahyarham Y.Bhg. Tan Sri Azizan Zainul Abidin, Y.Bhg. Puan Sri Noor Ainee Che' Teh and her daughter. About 200 special guests from the PETRONAS top management, IIM members and representatives from the private sector and professional bodies attended the launch which witnessed the acceptance of official certificates by 28 initial alumni of the programme. This programme continues the

Laporan Aktiviti 2007

Report on Activities 2007

alumni pertama program tersebut. Program ini meneruskan tradisi menjemput bakal-bakal pemimpin cemerlang sektor awam dan sektor swasta yang dipilih berdasarkan ciri-ciri etika dan integriti yang ditunjukkan oleh Allahyarham Tan Sri Azizan Zainul Abidin sepanjang perkhidmatan beliau dalam sektor awam dan sektor swasta. Program tersebut telah diperkembangkan dari dua hari pertama mengikut program asal PETRONAS-IIM manakala tiga hari berikutnya adalah lanjutan bagi aktiviti Alumni TSAZAIC dengan membawa peserta keluar melihat secara dekat isu-isu integriti. Setiap kumpulan akan bekerjasama untuk melaksanakan program integriti mereka sendiri sama ada secara berkumpulan atau perseorangan. Program ini diolah semula berlandaskan tiga pendekatan iaitu pembelajaran secara ilmiah, pembelajaran asimilasi kes-kes rujukan secara kerja di lapangan, dan pembelajaran melalui pengalaman dan praktis. Tiga sesi telah dijalankan dalam tahun 2007 iaitu pada bulan Jun, September dan Disember. Berikut ialah acara TSAZAIC yang telah dijalankan sepanjang tahun 2007:

- (i) Kursus "Training of Trainers - TSAZAIC" di Hotel Legend pada 13-14 April 2007 – tujuan kursus anjuran PERMATA ini adalah untuk melahirkan sekumpulan pelatih yang mampu menjadi fasilitator untuk enam modul yang direka khas untuk program tersebut. Kursus ini dihadiri oleh 23 orang wakil-wakil daripada IIM, PERMATA, SSM, Malaysian Bar Council, MMA, MEF, NPC, MIM, PDRM, Akademi Kastam Diraja Malaysia, Akademi BPR, INTAN, ACCA dan Gabungan Dewan Perniagaan dan Industri Cina Malaysia (ACCCIM).
- (ii) Sesi Latihan Program TSAZAIC pada 24-29 Jun 2007 – 33 orang wakil daripada IIM, PDRM, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TLDM), SSM, Hay Group, Malaysian Institute of Corporate Governance, ACCA, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan National Institute of Accountants Australia hadir ke sesi tersebut.

tradition of inviting the potential excellent leaders in the public and private sector chosen based on the integrity and ethical qualities shown by Allahyarham Tan Sri Azizan Zainul Abidin all through his career in the private and public sector. The programme was expanded from the initially two days following the original Petronas-IIM programme to five days. The three additional days are an extension for TSAZAIC Alumni activities which take the participants out to get an up close look at integrity issues in real situations outside the lecture halls. Each group would cooperate to implement their own integrity programmes in groups or alone. The program was rewritten based on three approaches, mainly academic learning, learning by assimilating reference cases through work in the field, and learning through experience and practice. Three sessions have been conducted in 2007, in the month of June, September and December. The following are TSAZAIC events conducted all through 2007.

- (i) *"Training of Trainers - TSAZAIC" course at the Legend Hotel between 13-14 April 2007 – the purpose of the PERMATA organized course was to produce a group of trainers who had the capabilities to become facilitators for six modules which were specifically designed for the program. The course was attended by 23 representatives from IIM, PERMATA, SSM, The Malaysian Bar Council, the MMA, MEF, NPC, MIM, PDRM, Royal Malaysian Customs Academy, ACA Academy, INTAN, ACCA and Association of Chinese Chamber of Commerce and Industry (ACCCIM).*

- (ii) *TSAZAIC training programme session on 24-29 June 2007 – 33 representatives of IIM, PDRM, Malaysian Armed Forces (ATM), Royal Malaysian Navy (TLDM), Royal Malaysian Air Force (TUDM), SSM, Hay Group, Malaysian Institute of Corporate Governance, ACCA, Tenaga Nasional Berhad (TNB) and National Institute of Accountants Australia attended the session.*

Laporan Aktiviti 2007

Report on Activities 2007

- (iii) Sesi Latihan Program TSAZAIC pada 3-7 September 2007 - 11 orang wakil daripada Sime Darby, PETRONAS, PDRM, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Perdagangan Hal Ehwal Dalam Negeri, SUK Pahang, ATM, TUDM dan TLDM telah hadir ke sesi tersebut.
- (iv) Sesi Latihan Program TSAZAIC pada 3-7 Disember 2007 - 16 orang wakil daripada IIM, INSTEP PETRONAS, MARA, Sarawak Economic Development Corporation, TLDM dan ATM telah hadir ke sesi tersebut.

Di antara projek-projek yang telah dicadangkan ialah Hari Kesedaran Integriti dan "Tan Sri Azizan Zainul Abidin Integrity Advocacy Tour".

Kerjasama IIM dan Polis Diraja Malaysia

Projek usaha sama bersejarah Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan IIM bermula pada bulan Julai 2007 sejurus selepas projek yang asalnya dipersekutui oleh Ahli Lembaga Pengarah IIM kepada Sektor Awam untuk diambil alih oleh Sektor Swasta bersama-sama dengan Urus setia Ketua Polis Negara dan Unit Penyelidikan dan Pembangunan pada fasa awal tahun 2007. Selari dengan Pelan Strategik Lima Tahun PDRM (PS5T) (2007-2011), institusi yang berusia 200 tahun ini telah melangkah dengan visi baru iaitu "Relevan - Diiktiraf - Dihormati". Dengan memfokuskan kepada empat teras utama yang diterajui oleh IIM bersama-sama dengan Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Khoo Kay Kim (Ahli Lembaga Pengarah IIM), Y.Bhg. Dato' Abu Kassim bin Mohamed (Timbalan Ketua Pengarah I, Badan Pencegah Rasuah) dan Yang Mulia Tunku Aziz bin Tunku Ibrahim (Presiden Caux Roundtable Malaysia), usaha sama ini berteraskan kepada pendidikan integriti; kempen kesedaran integriti dan gerak saraf program Mesra Rakyat; kursus modal asas etika dan integriti melalui pendekatan Islam Hadhari. Selain daripada ceramah dan taklimat integriti yang berlangsung setiap bulan, beberapa acara penting lain juga telah diadakan iaitu:

- (iii) *TSAZAIC Training Programme session on 3-7 September 2007 - 11 representatives from Sime Darby, PETRONAS, PDRM, Economic Planning Unit (EPU), Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs, SUK Pahang, ATM, TUDM and TLDM attended the session.*
- (iv) *TSAZAIC Training Programme session on 3-7 December 2007 - 16 representatives from IIM, INSTEP PETRONAS, MARA, Sarawak Economic Development Corporation, TLDM and ATM attended the session.*

Among the projects planned were "Integrity Awareness Day" and "Tan Sri Azizan Zainul Abidin Integrity Advocacy Tour".

Cooperation between IIM and Royal Malaysian Police

The historic project between the Royal Malaysian Police (PDRM) and IIM, commenced shortly after receiving approval from the IIM Board of Directors. The project, initially for the Public Sector, was taken over by the Private Sector together with the Inspector General of Police Secretariat and Research and Development Unit beginning July 2007. In line with the PDRM's Five Year Strategic Plan (PS5T) (2007-2011), this 200 year old institution moved forward with a new vision, "Relevant - Acknowledged - Respected". By focusing on the four (4) core areas led by IIM together with Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Khoo Kay Kim (IIM member of the Board of Directors), Y.Bhg. Dato' Abu Kassim bin Mohamed (Assistant Director General, Anti-Corruption Agency) and Yang Mulia Tunku Aziz bin Tunku Ibrahim (President, Caux Roundtable Malaysia), this cooperation is based on integrity education; integrity awareness campaigns and Mesra Rakyat programme psychological operations; basic ethical capital courses and integrity through the Islam Hadhari approach. Other than integrity talks and briefings which were conducted every month, a few other important events were also held. They were:

Laporan Aktiviti 2007

Report on Activities 2007

- (i) Program Bahagian Kaunseling dan Agama (BAKA) di Kuala Terengganu sempena seminar "Pembantu Hal Ehwal Islam PDRM" yang diwakili oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Wan Mohd Nor Wan Daud pada 5-6 Ogos 2007. Dua sesi telah diadakan bagi imam-imam dan ahli-ahli unit kaunseling yang baru ditubuhkan. Y.Bhg. Prof. Dr. Wan Mohd Nor Wan Daud telah membincangkan isu-isu berkaitan Islam Hadhari, ilmu dan ketamadunan, khususnya mengambil iktibar daripada tamadun Andalusia dan kepimpinan sejarah Islam dan aplikasi pengajaran di dalam keadaan semasa.
- (ii) Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman PDRM-IIM di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 6 September 2007 yang ditandatangani oleh wakil IIM, Y.Bhg. Tan Sri Sidek Haji Hassan, selaku pengerusi Institut Integriti Malaysia dan Ketua Polis Negara, YDH Tan Sri Musa Haji Hassan disaksikan oleh Y.A.B Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dan lebih kurang 2,000 orang jemputan IIM.
- (iii) Majlis pelancaran rasmi Memorandum Persefahaman PDRM-IIM di Dewan Sultan Haji Ahmad Shah, Maktab Polis Diraja Malaysia, Cheras pada 7 September 2007 – majlis ini adalah titik bersejarah bagi PDRM apabila majlis menandatangani MoU pada 6 September di PICC dilanjutkan dan dibawa kepada Maktab PDRM, Cheras untuk menyampaikan 'integriti-kit' kepada semua pengarah, komadan, ketua bridged, anggota dan ahli-ahli keluarga PDRM. Turut hadir untuk

- (i) *Religion and Counseling Division (BAKA) Programme in Kuala Terengganu in conjunction with the "PDRM Islamic Affairs Assistants" seminar which was represented by Y. Bhg. Prof. Dr. Wan Mohd Nor Wan Daud on 5-6 August 2007. Two sessions were held for the imams and members of the newly established counseling units. Y. Bhg. Prof. Dr Wan Mohd Nor Wan Daud discussed issues related to Islam Hadhari, knowledge and civilization, specifically lessons from the Andalusian civilization and leadership in Islamic history and the application of the lessons in current times.*
- (ii) *The PDRM-IIM Memorandum of Understanding Signing ceremony took place at the Putrajaya International Convention Centre (PICC) on 6 September 2007. The Memorandum was signed by IIM representative Y. Bhg. Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan, as IIM Chairman, and the Inspector General of Police, YDH Tan Sri Musa Haji Hassan, witnessed by Y.A.B Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi and about 2,000 guests.*
- (iii) *Formal launching ceremony of IIM-PDRM Memorandum of Understanding at Dewan Sultan Haji Ahmad Shah, Royal Military College, Cheras on 7 September 2007 - this event marked an important moment in PDRM's history when the MoU signing ceremony on the 6 September at PICC was extended and brought to the PDRM College, Cheras, followed by an event where an "integrity-kit" was given to all representatives at the director, commandant and brigade head*



Laporan Aktiviti 2007

Report on Activities 2007

menjayakan sesi dialog ini ialah Presiden IIM, Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Khoo Kay Kim dan Y.Bhg. Dato' Abu Kassim bin Mohamed, Timbalan Ketua Pengarah I, Badan Pencegah Rasuah. Seramai 500 orang ahli daripada pelbagai peringkat PDRM hadir pada majlis ini.

- (iv) Taklimat "Economic Crime: People, Culture and Controls" oleh PricewaterhouseCoopers Malaysia untuk Unit Jenayah Perdagangan PDRM pada 14 Disember 2007 – sesi taklimat ini adalah hasil kerjasama di antara IIM dan PricewaterhouseCoopers Malaysia yang di terajui oleh Dato' Johan Raslan, dan pasukan yang bertanggungjawab menyediakan laporan Economic Crime: People, Culture and Controls tahun 2007. Jemputan seramai 70 orang hadirin terdiri daripada Unit Jenayah Komersil PDRM yang diketuai oleh Y.Bhg. Dato' Lim Char Boo serta ahli-ahli IIM termasuk Timbalan Presiden telah menghadiri taklimat tersebut. Laporan jenayah perdagangan di Malaysia juga telah diedarkan.

Kerjasama IIM dan Institut Pengurusan Malaysia (MIM)

IIM telah menjalankan kerjasama dengan MIM dalam penambahbaikan modul berkaitan dengan integriti, khususnya dalam aspek pendidikan dan latihan. Selain itu, IIM turut bekerjasama dan membuat cadangan kepada MIM berkenaan dengan aktiviti komunikasi seperti dialog, forum, perbincangan yang berkaitan dengan isu-isu integriti. Program ini dilaksanakan dengan menyediakan penceramah, ahli panel, pembentang, dan fasilitator. Kerjasama turut diberikan di dalam usaha penerbitan buku dan bahan rujukan di samping mengelolakan penyelidikan. Program Tun Hussein Onn Renewal Award telah berlangsung dari 25-30 Ogos 2007, manakala memorandum persefahaman ditandatangani pada 6 September 2007 oleh Y.Bhg. Tun Haji Mohammed Hanif Omar, Presiden Institut Pengurusan Malaysia semasa Konvensyen Integriti Nasional di PICC disaksikan oleh Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi.

ranks at all levels of the PDRM and also all the family members of the PDRM. Others who contributed to the success of this dialog session were Datuk Dr. Mohd Tap Bin Salleh, Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Khoo Kay Kim and Y. Bhg. Dato' Abu Kassim bin Mohamed of the Anti Corruption Agency. A total of 500 members from all levels of the PDRM attended the event.

- (iv) Briefing on "Economic Crime": "People, Culture and Controls" by PricewaterhouseCoopers Malaysia for the Commercial Crimes Unit PDRM on 14 December 2007 – this briefing was the result of a cooperative effort between IIM and PricewaterhouseCoopers, Malaysia which is helmed by Dato' Johan Raslan, and the team responsible for preparing the "Economic Crime" report. "People, Culture and Controls" 2007. The 70 guests who attended the briefing consisted of the Commercial Crimes Unit PDRM which was headed by Y. Bhg. Dato' Lim Char Boo and IIM members including the Vice President. A report on commercial crimes in Malaysia was also distributed.

Cooperation between IIM and Malaysian Institute of Management (MIM)

IIM formed a cooperation with the MIM towards improving modules related to integrity, especially in the training and education aspects. IIM also cooperated and gave suggestions to MIM regarding communication activities such as dialogues, forums and discussions related to integrity issues. This programme was conducted using lecturers, panelists, proposers and facilitators. Cooperation was also forged in the publication efforts of books and references, aside from organizing research. The Tun Hussein Onn Renewal Award Programme was held from 25-30 August 2007, while a memorandum of understanding was signed on 6 September 2006 by MIM President Y. Bhg. Tun Haji Mohammed Hanif Omar during the National Integrity Convention at PICC, witnessed by Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Laporan Aktiviti 2007

Report on Activities 2007

UNDP East and Southeast Young Leaders in Good Governance Seminar 2007

Program selama 12 hari di Vientiane, Laos PDR ini dikelola bersama UNDP Regional Center for Good Governance dan LEAD, United Kingdom. Sepuluh daripada 27 orang peserta daripada kursus UNDP East and Southeast Young Leaders in Good Governance 2006 di Bangkok, Thailand turut dijemput untuk menjalani latihan "Training of Trainers." Seterusnya mereka dipertanggungjawabkan untuk menjadi fasilitator dan pengelola kursus UNDP East and Southeast Young Leaders in Good Governance. Seminar 2007 ini mendapat penyertaan seramai 35 orang peserta dari Filipina, Laos, Vietnam, Singapura, Malaysia, Indonesia, China serta beberapa lagi negara-negara Asia. Program kepimpinan dikhaskan kepada peserta-peserta di bawah 35 tahun yang memegang jawatan di dalam sektor awam, masyarakat sivil atau swasta yang terbabit dalam perihal tadbir urus yang baik dan ingin membawa perubahan dan pembaharuan dalam organisasi masing-masing menerusi kepimpinan yang cemerlang.

Seminar Integriti Keusahawanan Negeri Sarawak

Siri Seminar Integriti Keusahawanan Negeri Sarawak dilangsungkan di Kuching, Sarawak pada 29 Mac 2007 dan merupakan kali ketiga diadakan. Seminar kali ini dirasmikan oleh Y.B. Datuk Amar Wilson Baya Dandot, Setiausaha Kerajaan Sarawak, juga selaku Pengurus IIN Sarawak. Dua sesi pleno membincangkan dua tajuk berkait, iaitu "Isu-isu Integriti Dalam Dasar Pelaksanaan Misi Nasional" dan "Amalan dan Penguatkuasaan Pelan Integriti Nasional Menurut Agensi Pelaksana Sektor Ekonomi". Seramai 180 orang peserta daripada sektor swasta dan awam telah hadir ke seminar tersebut yang berlangsung di Auditorium Pustaka Negeri Sarawak. Acara ini disokong oleh ahli Lembaga Pengarah IIM, Y.Bhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Hamid Bugo dan dirasmikan oleh Y.Bhg. Datuk Dr. Mohd Tap Salleh, selaku Presiden IIM. Format seminar sehari ini telah dipendekkan kepada setengah hari, dengan

UNDP East and Southeast Young Leaders in Good Governance Seminar 2007

In order to increase articles regarding integrity issues in the print and electronic media, a Political Integrity Course for Features Desk Journalists was held on 12 June 2007. The course, attended by 24 journalists, was a step by IIM to garner the media's support to ensure the success of the integrity agenda. Some of the well-known personalities invited to share ideas on "The Media's Role in Promoting Clean Politics" included Y.Bhg. Tan Sri Zaleha Ismail, Y.Bhg. Datuk Johan Jaafar and Y.Bhg. Dato' Seri Panglima Mohd Annuar Zaini.

Forum on Political Integrity with PAS, PKR and DAP Youth

The Forum on Political Integrity with PAS, PKR and DAP Youth was held at IIM on 31 July 2007. This programme was aimed at fostering an understanding of the NIP and integrity in the youth leadership as well as getting their cooperation in promoting the enculturation of integrity within society. About 30 youth leaders from the three parties attended and contributed their respective thoughts. Forum panelists included Y.B. Dr. Tan Seng Giaw, Kepong Member of Parliament; Y. Bhg. Dato' Haji Mustaffa Ali; Mr. Mustafa Kamil Ayub (all IIM members) and well-known academic, Y Bhg. Professor Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin from UKM. This session was chaired by Y. Bhg. Dato' Siva Subramaniam, SUHAKAM Commissioner. Each panelist discussed the following topic: "The Role of the Youth Wing in Strengthening Integrity Amongst Party Members".



Laporan Aktiviti 2007

Report on Activities 2007

membincangkan tajuk 'Peranan Angkatan Pemuda Dalam Memperkuatkkan Integriti di Kalangan Ahli- Ahli Parti' masing-masing.

Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat Mengenai Integriti

Jawatankuasa yang dianggotai oleh 11 Ahli Dewan Rakyat ini telah menjayakan beberapa sesi pendengaran awam sejak Disember 2005. Sepanjang 2007, jawatankuasa ini mengadakan lima sesi pendengaran awam iaitu di Bangunan Dewan Undangan Negeri Johor pada 8 Ogos 2007, Bangunan Dewan Undangan Negeri Melaka (9 Ogos 2007), Bangunan Dewan Undangan Negeri Perak (15 Ogos 2007), Bangunan Dewan Undangan Negeri Kedah (16 Ogos 2007) dan Bangunan Dewan Undangan Negeri Terengganu (22 Ogos 2007). Susulan daripada sesi pendengaran awam ini, beberapa agensi kerajaan telah dipanggil untuk memberi keterangan serta penjelasan dan hasilnya adalah cara penyelesaian kepada beberapa masalah yang dibangkitkan.

Penerbitan Buku Integriti Politik di Malaysia

Projek buku ini dimulakan pada awal tahun dan siap pada November 2007. Buku ini mengumpulkan pandangan dan idea mengenai konsep integriti politik dalam pengamalan sistem demokrasi di Malaysia. Antara penulis yang menyumbangkan artikel mereka adalah terdiri daripada Y. Bhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Khoo Kay Kim, Y. Bhg. Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman (Pengerusi SPR), Y. Bhg. Dato' Seri Panglima Mohd. Anuar Zaini, (Pengerusi BERNAMA), Y. Bhg. Profesor Datuk Dr. Shamsul Amri (UKM), Y. Bhg. Datuk Johan Jaaffar, Y. Bhg. Profesor Dr. Chandra Muzaffar, Y. Bhg. Profesor Dr. Wan Mohd Nor Wan Daud, Y. Bhg. Profesor Dr. Abd. Aziz Bari, Y. Brs. Dr. Rokiah Talib dan Y. Bhg. Dato' Saifuddin Abdullah. Matlamat penerbitan buku ini adalah sebagai rujukan para ilmuwan bidang politik dan pentadbiran, pembuat dasar, ahli politik, para pelajar dan ahli masyarakat.



Public Hearing on the House of Representatives' Special Select Committee on Integrity

The Committee which is made up of 11 members of the House of Representatives has successfully conducted some public hearing sessions since December 2005. In 2007, the committee conducted five public hearing sessions. They were held at The Johor State Legislative Assembly Building (8 August 2007), Melaka State Legislative Assembly Building (9 August 2007), Perak State Legislative Assembly Building (15 August 2007), Kedah State Legislative Assembly Building (16 August 2007) and Terengganu State Legislative Assembly Building (22 August 2007). Following the public hearing session, a few government agencies were called to provide explanations and clarifications, resulting in solutions to problems raised.

Publication of Political Integrity in Malaysia

This book project was started in the beginning of the year and was ready in November 2007. Amongst the writers who contributed their articles were Y. Bhg. Professor Emeritus Dato' Dr. Khoo Kay Kim, Y. Bhg. Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman (SPR Chairman), Y. Bhg. Dato' Seri Panglima Mohd. Anuar Zaini, (BERNAMA chairman), Y. Bhg. Professor Datuk Dr. Shamsul Amri (UKM), Y. Bhg. Datuk Johan Jaaffar, Y. Bhg. Professor Dr. Chandra Muzaffar, Y. Bhg. Professor Dr. Wan Mohd Nor Wan Daud, Y. Bhg. Professor Dr. Abd. Aziz Bari, Y. Brs. Dr. Rokiah Talib and Y. Bhg. Dato' Saifuddin Abdullah. This publication aims to be a reference for academics in the field of politics and administration, policymakers, politicians, students and members of the public.

Laporan Aktiviti 2007

Report on Activities 2007



Forum Pengukuhan Integriti Ahli-ahli Majlis PBT Melaka

52

Forum Pengukuhan Integriti untuk Ahli-ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Melaka yang diadakan pada 27 November 2007 adalah anjuran bersama IIM dan Institut Integriti Negeri Melaka. Forum ini mengumpulkan 43 orang Ahli Majlis daripada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Majlis Daerah Jasin dan juga Majlis Daerah Alor Gajah. Forum selama setengah hari ini berlangsung di Dewan MITC Ayer Keroh dan dirasmikan oleh Y.B En. Koh Nai Kwong, Pengerusi Jawatankuasa Negeri Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar dan Pengangkutan Negeri Melaka yang mewakili Menteri Besar, Y.A.B. Datuk Seri Mohd Ali Rustam. Pada sesi forum, tiga orang ahli panel membincangkan isu "Kesejahteraan Rakyat Tempatan Bergantung Kepada Ahli Majlis Berintegriti". Antara barisan panel yang terlibat dalam forum ini ialah Y.Brs. Tuan Haji Anwari bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara, Y.Bhg. Datin Arpah Abdul Razak, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan dan juga Y.Bhg. Datuk Hj. Zaini bin Md. Nor iaitu Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah.

Forum on Strengthening Integrity For Local Authority Council Members, Melaka.

The forum on Strengthening Integrity for Local Authority Council Members (PBT) held on 27 November 2007 was jointly organized by IIM and the State Institutes of Integrity. This forum got together 43 Council Members from the Melaka Municipal Council, Jasin Municipal Council and also the Alor Gajah Municipal Council. The half day forum took place at the MITC hall Ayer Keroh and was officiated by Y.B. Mr. Koh Nai Kwong, Melaka State Housing, Local Government, Environment and Transport Committee Chairman who represented the Chief Minister, Y.A.B. Datuk Seri Mohd Ali Rustam. At the forum session, three panelists discussed the issue of "The Well-Being of the Local Community Depends on Council Members with Integrity". Among the panelists involved in the forum are Y.Brs. Tuan Haji Anwari bin Suri, Assistant Auditor General, Y.Bhg. Datin Arpah Abdul Razak, Director-General of the Department of Local Councils, and also Y.Bhg. Datuk Hj. Zaini bin Md. Nor, Mayor of the Historic City of Malacca.

Laporan Aktiviti 2007

Report on Activities 2007

Forum Pelan Integriti Nasional Untuk Ahli-Ahli Majlis Pulau Pinang

IIM dan Institut Integriti Negeri Pulau Pinang (IINPPi) dengan kerjasama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah menganjurkan Forum Mengenai PIN Untuk Ahli-Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Pulau Pinang, dengan tema "Ke Arah Pengukuhan Integriti Pengurusan PBT". Program ini diadakan di Hotel Dorsett, Pulau Pinang pada 28 November 2007. Y. Bhg. Dato' Zainal Rahim bin Seman, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Y. Bhg. Encik Farizan Darus, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai menyampaikan ucapan pada majlis tersebut. Seramai 60 orang peserta yang terdiri daripada Ahli-ahli Majlis PBT dan Ketua-Ketua Jabatan Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai hadir pada program ini. Sesi forum membincangkan tajuk "Peranan Ahli-ahli Majlis Dalam Membudayakan Integriti Kepada Masyarakat Tempatan". Ahli panel yang terlibat ialah Y. Bhg. Dato' Abu Kassim bin Mohamed, Timbalan Ketua Pengarah (I) Badan Pencegah Rasuah Malaysia, Y. Bhg. Prof. Dr. Syed Abdul Hamid Al Junid, Bekas Presiden dan CEO Universiti Tun Abdul Razak dan Dr. Goh Ban Lee, bekas Ahli Majlis MPPP. Sesi ini telah dipengerusikan oleh En. Anis Yusal Yusoff dari IIM.

Forum Mengenai Pelan Integriti Nasional Untuk Ahli-Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak

Forum Mengenai PIN Untuk Ahli-Ahli Majlis PBT Sarawak adalah anjuran bersama dengan Jabatan Ketua Menteri Sarawak dan Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam Sarawak. Program ini berlangsung pada 3 Disember 2007 dan bertemakan "Peranan Pemimpin Dalam Memantapkan Integriti Di Kalangan Masyarakat". Program ini diadakan di Auditorium Majlis Bandar Raya Kuching Selatan dan dirasmikan oleh Y.B. Datuk Michael Manyin Anak Jawon, Menteri Alam Sekitar dan Kesihatan Awam. Seramai 180 orang peserta yang terdiri daripada

Forum on National Integrity Plan for Pulau Pinang Council Members

IIM and the Pulau Pinang State Institute of Integrity (IINPPi), with the cooperation of the Pulau Pinang Municipal Council (MPPP) and Seberang Perai Municipal Council (MPSP) organized a Forum on NIP for all Pulau Pinang Local Authority council members, with the theme "Towards Strengthening the Integrity of the Management in Local Authorities". This programme was held at the Dorsett Hotel, Pulau Pinang on 28 November 2007. Y. Bhg. Dato Zainal Rahim bin Seman, Pulau Pinang Municipal Council President and Y. Bhg. Encik Farizan Darus, Seberang Perai Municipal Council President presented their speeches at the event.

Sixty participants consisting of Local Authority Council Members and the Pulau Pinang and Seberang Perai Municipal Council Heads attended this programme. The topic discussed at the forum was "The Role of Council Members in the Enculturation of Integrity Within the Local Community". The panelists included Y. Bhg. Dato' Abu Kassim bin Mohamed, Assistant Director-General I of the Anti-Corruption Agency Malaysia, Y. Bhg. Prof. Dr. Syed Abdul Hamid Al Junid, Former President and CEO Universiti Tun Abdul Razak and Dr. Goh Ban Lee, former Councilor, Pulau Pinang Municipal Council. This session was chaired by Mr. Anis Yusal Yusoff from IIM.

Forum on National Integrity Plan for Sarawak Local Authority Council Members

The forum on the NIP for Sarawak Local Authority Council Members was jointly organized by the Sarawak Chief Minister's Department and the Sarawak Ministry of Environment and Public Health. This programme, held on 3 December 2007, carried the theme of "The Role of the Leadership in Strengthening Integrity Within Society." This programme held at the Kuching Selatan City Council Auditorium, and was officiated by Y.B. Datuk Michael Manyin Anak Jawon, Minister of Environment and Public Health. As many as 180 participants made up of Council Members from 10

Laporan Aktiviti 2007

Report on Activities 2007

Ahli-ahli Majlis dari 10 PBT di Selatan Sarawak hadir pada program ini. Ucapan aluan disampaikan oleh Y. Bhg. Datu Abdul Ghafur Shariff, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak. Forum ini membincangkan tajuk "Peranan Pemimpin Dalam Memantapkan Integriti di Kalangan Masyarakat". Ahli panel yang terlibat dalam forum ini ialah Y. Brs. Encik Yip Pit Wong, Timbalan Pengarah BPR Pulau Pinang, Y.Bhg. Dr. Rokiah Talib, Mantan Profesor Universiti Malaya dan Y.Bhg. Dato' Seri Megat Najmuddin, Presiden MICG dan EXCO Transparency International. Y. Bhg. Datu Abdul Ghafur Shariff bertindak sebagai moderator untuk sesi forum ini.

Seminar Pengukuhan Integriti Kepada Ahli Politik dan Wakil Rakyat Negeri Kelantan

IIM dan Unit Urus Setia Integriti dan Kualiti Negeri Kelantan telah menganjurkan Seminar Pengukuhan Integriti Kepada Ahli-Ahli Politik dan Wakil Rakyat-Wakil Rakyat Negeri Kelantan di Kota Bharu, pada 5 Disember 2007. Y.A.B. Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan, Y.B. Dato' Husam Musa, Pengurus Jawatankuasa Pentadbiran Awam, Perancangan Ekonomi, Kewangan dan Pembangunan Masyarakat Negeri Kelantan serta beberapa orang Exco Kerajaan Negeri turut hadir bersama-sama 284 orang peserta yang terdiri daripada pemimpin PAS Negeri Kelantan. Pada seminar tersebut, Y.Brs. Tuan Haji Mustafar bin Haji Ali, Timbalan Presiden IIM telah membentangkan kertas kerja yang bertajuk "Pelan Integriti Malaysia: Prinsip dan Falsafah". Kertas kerja kedua pula disampaikan oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Wan Mohd. Nor Wan Daud dari International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan tajuk "Penyelewengan, Salah Guna Kuasa dan Rasuah dari Perspektif Islam". Kertas kerja seterusnya dibentangkan oleh Y. Bhg. Datuk Haji Zakaria bin Haji Jaafar, Timbalan Ketua Pengarah II BPR dengan tajuk "Senario Budaya Rasuah Di Malaysia: Implikasi Kepada Pembangunan Negara".

Local Authorities in South Sarawak attended this programme. The opening address was given by Y. Bhg. Datu Abdul Ghafur Shariff, Assistant Secretary, Sarawak State Government. The topic discussed at this forum was "The Role of the Leadership in Strengthening Integrity Within Society." The panelists involved in this forum were Y. Brs. Mr. Yip Pit Wong, Assistant Pulau Pinang ACA Director; Y.Bhg. Dr. Rokiah Talib, former Professor at Universiti Malaya; and Y.Bhg. Dato' Seri Megat Najmuddin, President of MICG and Transparency International Exco. Y. Bhg. Datu Abdul Ghafur Shariff acted as moderator for this forum session.

Seminar on Strengthening Integrity for Kelantan Politicians and Wakil Rakyat

IIM and the Kelantan Integrity and Quality Secretariat organized a Strengthening Integrity Seminar for Kelantan Politicians and Wakil Rakyat in Kota Bharu, on the 5th of December 2007. Y.A.B. Dato Nik Abdul Aziz Nik Mat, the Kelantan Menteri Besar, Y.B. Dato' Husam Musa, Chairman, Kelantan State Committee on Public Administration, Economic Planning, Finance and Social Development, and a few State Government Excos also attended together with 284 other participants consisting of PAS Kelantan state leaders. At the seminar, Y. Brs Tuan Haji Mustafar bin Haji Ali, Vice President of IIM, presented a working paper titled "Malaysian Integrity Plan: Principles and Philosophy". The second working paper, titled "Fraud, Abuse of Powers and Corruption from an Islamic Perspective" was presented by Y. Bhg. Prof. Dr. Wan Mohd. Nor Wan Daud from the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), International Islamic University Malaysia (IIUM). The next working paper by Y. Bhg. Datuk Haji Zakaria bin Haji Jaafar, ACA Deputy Director General II was titled "The Corruption Scenario in Malaysia Implications on the Country's Development".

Laporan Aktiviti 2007

Report on Activities 2007

UNIT KORPORAT DAN PENYELARASAN

Unit Korporat dan Penyelarasian ditubuhkan pada Julai 2007 bertujuan untuk meningkatkan imej korporat institut serta memantau aktiviti pelaksanaan PIN oleh sektor-sektor di IIM, IIN, kementerian dan agensi-agensi kerajaan.

Kerjasama Dengan Media

Antara usaha terawal unit ini ialah mempromosikan dan menjenamakan IIM melalui media massa, terutamanya media vernakular. Ini bertujuan untuk memperluaskan pemahaman mengenai IIM dan PIN kepada semua rakyat Malaysia, terutamanya kepada bukan Melayu. Temu bual eksklusif dalam media cetak dan elektronik melibatkan Ahli Lembaga Pengarah dan pegawai IIM diatur untuk tujuan tersebut. Unit ini telah menjayakan beberapa siri temu ramah dalam akhbar berbahasa Cina dan juga Tamil, selain dari Bahasa Malaysia dan Inggeris untuk menyiaran berita dan rencana mengenai integriti. Beberapa siri temu bual juga diatur dengan majalah seperti *Al Islam* dan *Forward*. Selain itu, beberapa perancangan turut diatur untuk mengadakan siri bicara integriti di Radio 24 Bernama dan Radio IKIM.fm untuk ke udara seawal 2008. Rancangan televisyen turut diatur terutamanya dalam program Selamat Pagi Malaysia dan Malaysia Hari Ini serta ASTRO untuk memperluaskan lagi pemahaman mengenai integriti.



CORPORATE AND COORDINATION UNIT

The corporate and coordination unit was set up in July 2007 for the purpose of upgrading the corporate image of the institute and to keep tabs on the implementation of the NIP by the sectors in the IIM, the IINs, the ministries and government agencies.

Cooperation With the Media

Some of the earliest efforts of this unit involved the promotion and branding of the IIM via the mass media, especially the vernacular newspapers. This aim of this was to promote the understanding about IIM and the NIP among Malaysians, especially the non-Malays. Exclusive interviews in the print and electronic media involving the Board of Directors and IIM officers were arranged towards that effort. This unit successfully managed a series of interviews in the Chinese and Tamil, as well as the Bahasa Malaysia and English newspapers, aimed at disseminating news and articles on integrity. A series of interviews were also arranged with magazines such as Al-Islam and Forward. Plans were also made to air a series on integrity on Radio 24 Bernama and Radio IKIM.fm as early as 2008. Television plans were also lined up, via Selamat Pagi Malaysia, Malaysia Hari Ini and Astro, in order to spread the understanding about integrity.

Laporan Aktiviti 2007

Report on Activities 2007

Penganjuran Konvensyen Integriti Nasional 2007

Unit Korporat & Penyelarasan telah bertindak sebagai sekretariat kepada program Konvensyen Integriti Nasional yang dilangsungkan pada 6 September 2007. Konvensyen sehari yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) ini dihadiri oleh 1,200 orang peserta dan menghasilkan dua puluh satu resolusi. Resolusi yang dihasilkan pada lima bengkel berasingan ini telah diserahkan kepada Y.A.B. Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi semasa majlis penutup. Kesemua resolusi ini dipantau oleh lima Ahli Lembaga Pengarah IIM yang dilantik untuk menentukan perbincangan dan pelaksanaan resolusi tersebut. Tiga memorandum persefahaman, masing-masing dengan PDRM, MIMOS dan MIM turut dilangsungkan pada konvensyen ini.

Hari Integriti Nasional dan Forum Integriti 2007

Sambutan Hari Integriti Nasional diadakan setiap 5 November. Bagi tahun 2007, sambutan ini diadakan di IIM bersama majlis forum integriti dan dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri Tan Sri Abdul Aziz yang menyampaikan ucaptama. Ini diikuti dengan ceramah khas oleh Senator Tan Sri (Dr.) Jins Shamsuddin yang membentangkan tajuk "Integriti dan Patriotisme: Penjana Masyarakat Malaysia yang Berintegriti". Majlis forum pula melibatkan pembentangan oleh Timbalan Ketua Pengarah I BPR Dato' Abu Kassim Mohamed, Timbalan Setiausaha Agung ACCCIM, Dato' David Chua dan Pesuruhjaya SUHAKAM, Dato' Siva Subramaniam. Dato' Seri Nazri turut melancarkan buku terbitan IIM yang bertajuk *Sistem Integriti Nasional: Asas-asas Panduan*, terbitan bersama oleh IIM dan UNDP. Lebih daripada 600 orang peserta dari sektor awam dan swasta menghadiri program ini.

Hosting the 2007 National Integrity Convention

The Corporate and Coordination Unit acted as the secretariat for the National Integrity Convention which was held on 6 September 2007. The one day convention, held at the Putrajaya International Convention Centre (PICC) was attended by 1,200 participants and resulted in twenty-one resolutions. The resolutions stemming from the five different workshops were handed over to Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Prime Minister of Malaysia during the closing ceremony. All the resolutions will be monitored by five IIM Members of the Board of Directors appointed to determine discussions on and implementation of the resolutions. Three memorandums of understanding, with the PDRM, MIMOS and MIM respectively, were also signed at the convention.

National Integrity Day and Integrity Forum 2007

The National Integrity Day falls on 5 November every year. For the year 2007, the event was held at IIM, in conjunction with an integrity forum, and was officiated by the Minister in the Prime Minister's Department, Dato' Seri Mohamed Nazri Tan Sri Abdul Aziz who gave the opening speech. This was followed by a special talk by Senator Tan Sri (Dr.) Jins Shamsuddin who talked about the topic "Patriotism and Integrity: Creating a Malaysian Society with Integrity". The forum saw presentations by the ACA Deputy Director General I, Dato' Abu Kassim Mohamed, ACCCIM Deputy Secretary General, Dato' David Chua and SUHAKAM Commissioner, Dato' Siva Subramaniam. Dato' Seri Nazri also launched a publication titled National Integrity System: A Guiding Framework, a joint IIM and UNDP publication. More than 600 participants from the public and private sector attended this programme.

Laporan Aktiviti 2007

Report on Activities 2007



Menyelaraskan Lawatan Dari Dalam dan Luar Negara

Unit Korporat dan Penyelaras juga telah menyelaraskan lawatan dari pelbagai agensi dari dalam dan luar negara. Untuk 2007, beberapa lawatan seperti Kemboja, Laos, Indonesia, Kano State (Nigeria), Brunei, para peserta dari Malaysian Technical Cooperative Program (MTCP) dan lain-lain lagi. Pada setiap lawatan, Presiden, Timbalan Presiden atau Pengarah akan menyampaikan taklimat mengenai PIN dan IIM.

Mesyuarat Pengurusan IIM

Sejak penubuhannya, Unit Korporat dan Penyelaras juga bertindak sebagai sekretariat kepada Mesyuarat Pengurusan IIM. Sepanjang 2007, pihak pengurusan IIM bermesyuarat sebanyak 48 kali, iaitu pada setiap hari Rabu, kecuali apabila ada hal-hal tertentu. Mesyuarat ini adalah penting untuk memastikan kelancaran aktiviti yang dijalankan oleh IIM.

Coordination of Local and Overseas Visits

The Corporate and Coordination Unit also coordinated visits from various local and overseas agencies. For the year 2007, there were visits from Cambodia, Laos, Indonesia, Kano State (Nigeria), Brunei, participants of the Malaysian Technical Cooperative Programme (MTCP) and others. During every visit, the President, Vice President or Director presented a talk about NIP and IIM.

IIM Management Meeting

Since its inception, the Corporate and Coordination Unit also acts as the secretariat for the IIM Management Meeting. In 2007, the IIM management met 48 times, on every Wednesday, except when other matters arose. These meetings are important to ensure the smooth running of the activities conducted by IIM.

Laporan Aktiviti 2007

Report on Activities 2007

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Mesyuarat Lembaga Pengarah IIM 2007

Pada tahun 2007 yang lalu, Mesyuarat Lembaga Pengarah IIM telah diadakan sebanyak 6 kali iaitu pada bulan Januari, Mac, Mei, Julai, September dan November. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Y.Bhg.Tan Sri Mohd Sidek Hassan, selaku pengurus IIM dan pengurus Lembaga Pengarah IIM.

Laporan Pegawai dan Kakitangan IIM

Mulai tahun 2007, IIM telah diterajui oleh kepimpinan baru apabila Y.Bhg. Datuk Dr. Mohd Tap Salleh telah dilantik sebagai Presiden IIM yang ketiga. Sesuai dengan pengalaman dan karisma yang dimiliki beliau telah diberi kepercayaan untuk menerajui IIM oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Jumlah pegawai dan kakitangan Institut Integriti Malaysia pada tahun 2007 ialah seramai 65 orang. Mereka terdiri daripada 2 orang pegawai pengurusan tertinggi, 24 orang pegawai dan 39 orang kakitangan sokongan.

PUSAT SUMBER BESTARI

Secara khusus perkhidmatan PSB disediakan untuk kegunaan kakitangan dan penyelidik IIM. Namun demikian perkhidmatan rujukan dipanjangkan kepada orang awam, kakitangan Kementerian dan Agensi Kerajaan Malaysia, pertubuhan bukan kerajaan, misi diplomatik asing, sektor swasta, para wartawan, institusi penyelidikan tempatan dan luar negeri, pelajar pusat pengajian tinggi dan pelajar sekolah. Pangkalan data PSB dibangunkan menggunakan sistem pengurusan maklumat PUSTAKA dan boleh diakses dengan kemudahan sistem OPAC secara intranet. PSB menggunakan *Library of Congress Classification* dan *Library of Congress Subject Headings* untuk pengkatalogan bahan-bahan koleksinya.

MANAGEMENT SERVICES DIVISION

IIM 2007 Board of Directors' Meeting

In 2007, the IIM Board of Directors' meeting took place 6 times, in January, March, May, July, September and November. The meeting was chaired by Y.Bhg. Tan Sri Mohd Sidek Hassan, as Chairman of IIM and the Chairman of the IIM Board of Directors.

IIM Officers and Staff Report

Starting from 2007, IIM was helmed by new leadership when Y. Bhg. Datuk Dr. Mohd Tap Salleh was chosen as the third IIM President. With his experience and charisma, he was entrusted by the Prime Minister to head IIM. In 2007, the total number of officers and staff of the Malaysian Institute of Integrity stood at 65 people. They consist of 2 officers at the highest levels of management, 24 officers and 39 support staff.

BESTARI RESOURCE CENTRE

The services of the Bestari Resource Centre are specifically prepared for the staff and researchers of IIM. However, the reference services are available to the public, Ministry staff, Malaysian Government Agencies, non-governmental organizations, foreign diplomatic missions, the private sector, journalists, local and overseas research institutions, students of institutions of higher learning and school students. The Bestari Resource Centre database was developed using the PUSTAKA management information system and can be accessed with the OPAC system facility via intranet. The Bestari Resource Centre uses the Library of Congress Classification and Library of Congress Subject Headings for cataloguing of its collections.

Laporan Aktiviti 2007

Report on Activities 2007


JUMLAH KOLEKSI PUSAT SUMBER BESTARI
THE COLLECTIONS OF THE RESOURCE CENTRE

KOLEKSI COLLECTION / YEAR	2006	2007
Buku (monograf) / Books (monographs)	2763	4232
Pamphlet / Pamphlet	90	173
Fiksyen / Fiction	-	107
e-Dokumen / E-Document	1	1
Bukan Buku: CD/Tape/Multimedia Foto Non Books: CD/Tape/Multimedia Photo	30	121
Pangkalan data (online) / On-line database	-	-
Artikel dalam jurnal / Articles in journals	-	-
Kajian/tesis / Research/thesis	1	1
Koleksi Khusus: / Special Collections: Dokumen IIM / IIM Document	25	43
Keratan surat khabar dan artikel mengenai IIM/PIN Newspaper cuttings and articles about IIM/PIN	133	212
JUMLAH / TOTAL	3043	4890

KOLEKSI COLLECTION / YEAR	2006	2007
Lain-lain Koleksi:/ Other collections	2006	2007
Jurnal/Buletin / Journal/Bulletin	22 judul / titles	32 judul / titles
Fail Surat khabar / Newspaper Files	37 fail / titles	37 fail / titles
Laporan Tahunan / Annual Report	40 judul / titles	45 judul / titles
Penerbitan IIM / IIM Publication	12 judul / titles	21 judul / titles

Buku Terbitan IIM 2007

IIM Publications 2007



LAPORAN KEWANGAN 2007

Maklumat Korporat	62
Laporan Pengarah	63
Penyata Lembaga Pengarah	66
Pengisyiharan Berkanun	67
Laporan Juruaudit	68
Penyata Pendapatan	69
Lembaran Imbangan	70
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti	71
Penyata Aliran Tunai	72
Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan	73



Laporan Kewangan



MAKLUMAT KORPORAT

Lembaga Pengarah	:	Tan Sri Mohd Sidek bin Haji Hassan Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Tommy bin Hugo @ Hamid Hugo Dato'Zarinah Sameehah binti Anwar Profesor Dato' Dr. Khoo Kay Kim Dr. Chandra Muzaffar Ustaz (Dr.) Muhammad Uthman El-Muhammady Tan Sri Abdul Gani bin Patail Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang Datuk Seri Panglima Haji Ahmad Said bin Hamdan Dato' Normah binti Md Yusof Datuk Dr. Md Tap bin Salleh
Setiausaha	:	Azmiah binti Abdul Razak
Alamat Berdaftar dan Alamat Perniagaan	:	Menara Integriti Persiaran Duta Off Jalan Duta 50480 Kuala Lumpur
Juruaudit	:	Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AF: 1300) Tingkat 10, Bangunan Yayasan Selangor 74, Jalan Raja Muda Abdul Aziz 50300 Kuala Lumpur
Bank Utama	:	Bank Islam Malaysia Berhad

Laporan Kewangan

.....

LAPORAN PENGARAH

Lembaga Pengarah membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Institut yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Institut adalah meningkatkan usaha dalam mempromosi integriti, moral dan etika di kalangan rakyat Malaysia selaras dengan harapan, inspirasi dan objektif Pelan Integriti Nasional.

Tiada perubahan ketara berlaku dalam aktiviti utama Institut dalam tahun kewangan semasa.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	RM
Lebihan dana bagi tahun kewangan	<u>666,914</u>

DIVIDEN

Tiada sebarang dividen dicadang, diisyihar atau dibayar oleh Institut semenjak dari tahun kewangan yang lepas.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Pindahan ketara kepada atau daripada rizab atau peruntukan di sepanjang tahun kewangan semasa adalah dinyatakan dalam penyata kewangan.

LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah yang berkhidmat semenjak tarikh laporan yang lepas sehingga tarikh laporan ini ialah:-

Tan Sri Mohd Sidek bin Haji Hassan	
Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Tommy bin Bugo @ Hamid Bugo	
Dato' Zarinah Sameehah binti Anwar	
Profesor Dato' Dr. Khoo Kay Kim	
Dr. Chandra Muzaffar	
Ustaz (Dr.) Muhammad Uthman El-Muhammady	
Tan Sri Abdul Gani bin Patail	
Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang	
Datuk Dr. Md Tap bin Salleh	
Datuk Seri Panglima Haji Ahmad Said bin Hamdan	(Dilantik pada 8.6.2007)
Dato' Normah binti Md Yusof	(Dilantik pada 8.6.2007)
Datuk Seri Zulkipli bin Mat Nor	(Berhenti pada 8.6.2007)
Dato' Yaacob bin Hussin	(Berhenti pada 8.6.2007)

Laporan Kewangan



KEPENTINGAN PENGARAH

Menurut daftar yang perlu disimpan di bawah Seksyen 134 Akta Syarikat, 1965, tiada Pengarah yang memegang sebarang saham di dalam Institut pada akhir tahun kewangan.

MANFAAT PENGARAH

Semasa dan pada akhir tahun kewangan, tidak terdapat sebarang perjanjian yang membabitkan Institut dengan perkara yang membolehkan Pengarah Institut memperoleh faedah dengan cara memiliki saham-saham atau debentur di dalam Institut atau dalam badan-badan korporat yang lain.

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, tiada Pengarah yang menerima atau yang layak untuk menerima sebarang faedah (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat ganjaran yang diterima atau yang akan diterima oleh Pengarah seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan atau gaji tetap yang diterima oleh pekerja sepuh masa Institut) berdasarkan kontrak yang dibuat oleh Institut atau Syarikat-syarikat lain yang berkaitan dengan Pengarah atau dengan sebuah firma di mana Pengarah berkenaan merupakan ahli atau dengan sebuah syarikat lain di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang perlu dinyatakan menurut Seksyen 169(8) Akta Syarikat, 1965.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

Sebelum penyata kewangan bagi Institut disediakan, Lembaga Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:-

- (a) untuk memastikan tindakan yang sewajarnya telah diambil berhubung dengan penghapuskiraan hutang lapuk dan dalam membuat elaun bagi hutang rugu dan berpuashati bahawa kesemua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskirakan dan elaun yang mencukupi telah dibuat elaun hutang rugu; dan
- (b) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa yang dijangka tidak boleh menghasilkan nilai seperti yang tercatat di dalam rekod perakaunan Institut secara urusniaga biasa, telah pun diturunkan nilainya ke paras yang dijangka dapat diperoleh.

Pada tarikh laporan ini, Lembaga Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan :-

- (a) yang akan mengakibatkan jumlah yang dihapuskira bagi hutang lapuk atau jumlah bagi elaun hutang rugu di dalam penyata kewangan atau Institut tidak mencukupi pada sebarang kadar yang ketara; atau
- (b) yang akan mengakibatkan nilai aset semasa yang ditunjukkan dalam penyata kewangan Institut mengelirukan; dan
- (c) yang akan mengakibatkan kaedah penilaian aset dan liabiliti yang digunakan oleh Institut mengelirukan atau tidak sesuai.

Tiada liabiliti luarjangka atau lain-lain liabiliti yang telah dikuatkuasakan atau akan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan, di mana pada pendapat Lembaga Pengarah, akan atau mungkin menjelaskan keupayaan Institut untuk memenuhi kewajipan bila tiba masanya.

Laporan Kewangan

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN (SAMB.)

Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat :-

- (a) sebarang cagaran ke atas aset Institut yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti pihak lain; atau
- (b) sebarang liabiliti luarjangka bagi Institut yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.

Pada tarikh laporan ini, Lembaga Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak dinyatakan di dalam laporan ini atau penyata kewangan Institut yang akan mengakibatkan sebarang amaun yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.

Pada pendapat Lembaga Pengarah :-

- (a) keputusan operasi Institut pada tempoh kewangan tidak terjejas secara ketara oleh sebarang butir urusniaga atau kejadian yang luarbiasa; dan
- (b) tiada perkara, urusniaga atau hal yang penting dan luar biasa yang telah timbul dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang mungkin akan menjelaskan dengan ketara keputusan operasi Institut bagi tahun kewangan di mana laporan ini disediakan.

JURUAUDIT

Juruaudit, AFRIZANTARMILI KHAIRUL AZHAR telah menyatakan kesanggupan untuk menerima perlantikan semula sebagai juruaudit.

Bagi pihak Lembaga,



TAN SRI MOHD SIDEK BIN HAJI HASSAN
Pengarah



DATUK DR. MD TAP BIN SALLEH
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh: **09 APRIL 2008**

Laporan Kewangan

.....

PENYATA LEMBAGA PENGARAH MENURUT SEKSYEN 169 (15) AKTA SYARIKAT, 1965

Bahawa kami, TAN SRI MOHD SIDEK BIN HAJI HASSAN dan DATUK DR. MD TAP BIN SALLEH, dua daripada Lembaga Pengarah INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan yang disertakan telah disediakan dengan sewajarnya mengikut piawaian-piawaian perakaunan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Persendirian dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965, untuk memberi pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan urusan Institut pada 31 Disember 2007 dan keputusan operasi dan aliran tunai Institut bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



TAN SRI MOHD SIDEK BIN HAJI HASSAN
Pengarah



DATUK DR. MD TAP BIN SALLEH
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh: **09 APRIL 2008**

Laporan Kewangan

.....
**PENGISYIHIRAN BERKANUN
MENGIKUT SEKSYEN 169 (16) AKTA SYARIKAT, 1965**

Bahawa saya, AZMIAH BINTI ABDUL RAZAK, pegawai yang bertanggungjawab atas pengurusan kewangan INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA, dengan tulus ikhlas dan sesungguhnya menyatakan bahawa penyata kewangan yang disertakan, pada sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat pengisytiharan ini dengan kepercayaan sesungguhnya perkara ini adalah benar dan menurut peruntukan Akta Sumpah, 1960.

Ditandatangani dan diikrarkan oleh }
AZMIAH BINTI ABDUL RAZAK }
di Kuala Lumpur dalam Wilayah }
Persekutuan pada **09 APRIL 2008** }



AZMIAH BINTI ABDUL RAZAK

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah
Kuala Lumpur, Malaysia
No. Syarikat : 644452-P



No: 88, Tingkat Bawah
Jalan Putra
50350 KUALA LUMPUR

Laporan Kewangan



LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

Kami telah mengaudit penyata kewangan INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA yang mengandungi lembaran imbalan Institut pada 31 Disember 2007, penyata pendapatan Institut, penyata perubahan dalam ekuiti Institut dan penyata aliran tunai Institut beserta nota-nota kepada penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Penyata kewangan merupakan tanggungjawab Lembaga Pengarah Institut.

Tanggungjawab kami adalah mengemukakan pendapat ke atas penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan dan melaporkan pendapat kami kepada Institut, sebagai satu entiti berkecuali, menurut peruntukan Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965. Kami tidak bertanggungjawab kepada pihak-pihak lain yang menggunakan laporan ini.

Kami telah melaksanakan pengauditan menurut piawaian-piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian ini memerlukan kami untuk merancang dan melaksanakan audit bagi memperolehi semua maklumat dan penjelasan, yang difikirkan perlu untuk menyediakan kami dengan bukti yang mencukupi bagi memberi jaminan yang munasabah bahawa penyata kewangan adalah bebas dari salahnya yang ketara. Pengauditan kami merangkumi pemeriksaan, atas dasar ujian, ke atas bukti yang berkaitan dengan aman dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Pengauditan ini termasuklah penilaian ke atas prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran penting yang dibuat oleh Lembaga Pengarah serta menilai kecukupan maklumat-maklumat yang dibentangkan di dalam penyata kewangan. Kami percaya bahawa pengauditan yang kami laksanakan menyediakan asas yang munasabah di dalam memberikan pendapat kami.

Pada pendapat kami :-

68

- (a) penyata kewangan telah disediakan menurut peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawaian-piawaian perakaunan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Persendirian supaya memberi pandangan yang benar dan saksama mengenai :
 - (i) perkara-perkara yang dikehendaki oleh Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 telah diambilkira dalam penyata kewangan Institut; dan
 - (ii) kedudukan urusan Institut pada 31 Disember 2007 dan perubahan dalam ekuiti, tentang keputusan operasi Institut dan aliran tunai Institut bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan
- (b) rekod perakaunan dan rekod lain serta daftar yang dikehendaki oleh Akta Syarikat, 1965 untuk disimpan oleh Institut telah disimpan dengan sempurna sesuai dengan peruntukan Akta tersebut.

AFRIZAN TARMILI KHAIRUL AZHAR
AF-1300
Akauntan Bertauliah (Malaysia)

MOHD AFRIZAN BIN HUSAIN
1805/11/08 (J/PH)
Rakan Kongsi

Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh : **09 APRIL 2008**

Laporan Kewangan

**PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

	Nota	2007 RM	2006 RM
Hasil			
Perkhidmatan lain	3	370,185	392,910
Kos perkhidmatan		(728,736)	(414,789)
Kurangan dana kasar		(358,551)	(21,879)
Lain-lain hasil	4	7,457,294	6,345,128
		7,098,743	6,323,249
Kos operasi			
Kos kendalian dan operasi		5,709,951	4,847,243
Belanja susutnilai harta tanah, loji dan peralatan		537,403	431,754
Lain-lain perbelanjaan operasi		184,475	410,246
Jumlah kos operasi		6,431,829	5,689,243
Lebihan dana sebelum cukai	5	666,914	634,006
Cukai	6	-	-
Lebihan dana bagi tahun kewangan		666,914	634,006

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

Laporan Kewangan

.....

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2007

	Nota	2007 RM	2006 RM
Aset bukan semasa			
Hartanah, loji dan peralatan	7	1,247,574	948,335
Aset semasa			
Penghutang dan deposit	8	66,270	44,161
Pelaburan tetap		8,000,000	6,000,000
Tunai di bank dan di tangan		890,539	1,124,035
		8,956,809	7,168,196
Liabiliti semasa			
Pembiutan dan akruan	9	306,563	225,060
		306,563	225,060
Aset semasa bersih		8,650,246	6,943,136
		9,897,820	7,891,471
Diwakili oleh:			
Rizab terkumpul		1,914,954	1,248,040
Liabiliti bukan semasa			
Geran	10	7,982,866	6,643,431
		9,897,820	7,891,471

Laporan Kewangan

.....
**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

	Rizab RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2006	614,034	614,034
Lebihan dana bagi tahun kewangan	634,006	634,006
	<hr/>	<hr/>
Pada 31 Disember 2006	1,248,040	1,248,040
	<hr/>	<hr/>
Pada 1 Januari 2007	1,248,040	1,248,040
Lebihan dana bagi tahun kewangan	666,914	666,914
	<hr/>	<hr/>
Pada 31 Disember 2007	1,914,954	1,914,954
	<hr/>	<hr/>

Laporan Kewangan

.....

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

	Nota	2007 RM	2006 RM
Aliran tunai dari aktiviti operasi			
Lebihan dana sebelum cukai		666,914	634,006
<i>Pelarasan bagi:</i>			
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan		537,403	431,754
Keuntungan pelaburan tetap		(259,724)	(223,180)
Kerugian pelupusan aset		-	1,992
Pelunasan geran		(7,160,565)	(6,104,033)
Kurangan kendalian sebelum perubahan modal kerja		(6,215,972)	(5,259,461)
<i>Perubahan dalam modal kerja:</i>			
Penghutang dan deposit		(22,109)	63,446
Pembiayaan dan akruan		81,503	(1,779)
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan		(6,156,578)	(5,197,794)
Aliran tunai dari aktiviti pelaburan			
Keuntungan pelaburan tetap		259,724	223,180
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan		(836,642)	(390,037)
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan		(576,918)	(166,857)
Aliran tunai dari aktiviti pembiayaan			
Penerimaan geran		8,500,000	7,000,000
Tunai bersih dihasilkan dari aktiviti pelaburan		8,500,000	7,000,000
Pertambahan bersih tunai dan tunai setara		1,766,504	1,635,349
Tunai dan tunai setara pada awal tahun kewangan		7,124,035	5,488,686
